

Buletin UNISZA

ISSN 2289-5825 | DISEMBER 2013 | BIL 11



**Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof Hj Mohamed Noor
Pro Canselor UniSZA**

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Penolong Naib Canselor

Nordin Jusoh
Pendaftar

Shakimah Endut
Bendahari (Pemangku)

Dato' Prof. Dr. Hussin @ Mohammad Ab. Rahman
Penasihat Undang-undang

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Dr. Ahmad Azrin Adnan
Pejabat Naib Canselor

Dr. Bahyah Abdul Halim
Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan

Dr. Wan Nor Shuhadah Wan Nik
Fakulti Informatik dan Komputeran

Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan

Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Ahmad Termizi Ab Aziz
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Nurhana Ghazali
Pejabat Naib Canselor

Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Zurina Mansor
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Pejabat Keselamatan
4. Pejabat Pendaftar
5. Pejabat Bendahari
6. Bahagian Pengurusan Akademik
7. Penerbit UniSZA
8. Pusat Islam
9. Pejabat Pembangunan Hospital Pengajar
10. Pusat Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup
11. Pusat Kesihatan UniSZA
12. Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar
13. Pusat Pengurusan, Penyelidikan dan Inovasi
14. Pusat Teknologi Maklumat
15. Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
16. Unit Audit Dalam
17. Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
18. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
19. Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan
20. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
21. Fakulti Informatik dan Komputeran
22. Prof. Madya Dr. Yeo Chew Chieng, Pensyarah FPBSM
23. Dr. Ahmad Azrin Adnan, Pejabat Naib Canselor
24. Shahrul Anuar Mohamed Yusof, Pensyarah FRBT
25. Mohamad Hafis Amat Simin, Pensyarah FKI
26. Kaswadi Yusoff, Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
27. Zurina Mansor, Penerbit UniSZA

Hak Cipta Terpelihara © 2013. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2013

Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 7772 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

, Taman Tamadun



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	6
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	19
Rencana	29
Pencapaian	38
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	44
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	49
Sukan dan Ko-Kurikulum	54



Pelantikan Pro Canselor dan Pelancaran Logo Baru UniSZA

Sama seperti universiti yang lain, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tidak terkecuali mengadakan Istiadat Konvokesyen bagi meraikan kejayaan dan kecemerlangan para graduannya. Istiadat Konvokesyen Ke-5 UniSZA ini telah berlangsung pada 30 November – 1 Disember 2013 di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Seramai 1,444 graduan diraikan pada majlis tersebut.

Untuk julung-julung kalinya, Istiadat Konvokesyen UniSZA pada tahun ini menyaksikan pelantikan Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Hj Mohamed Noor, sebagai Pro Canselor UniSZA. Dengan kuasa yang diberikan oleh Tuanku Canselor, KDYMM Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah, pengumuman pelantikan tersebut dilaksanakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen berkenaan.

Pada malam sebelumnya, bertempat di TH Hotel Convention Centre, Kuala Terengganu, satu Majlis Makan Malam sempena Istiadat Perisytiharan Pelantikan Pro-Canselor dan Konvokesyen ke-5

UniSZA telah diadakan. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Hj Mohamed Noor serta isteri, ahli Lembaga Pengarah Universiti, wakil-wakil dari IPTA seluruh negeri, alumni, dekan serta ketua pusat tanggungjawab UniSZA.

Dalam majlis berkenaan juga, YBhg Pro Canselor turut melancarkan logo baru UniSZA dengan memasukkan tablet arkilik berukiran logo baru ke dalam pedestal khas. Sejurus selepas Tan Sri memasukkan tablet tersebut, pedestal mula mengeluarkan cahaya dan roket dilancarkan dari belakang dewan ke pentas utama. Satu letupan kecil berlaku dipentas dan pancaran laser dan 'CO₂' dimainkan bersama lagu diikuti beberapa das letupan serta percikan bunga api seterusnya pancaran hologram logo. Majlis ini turut diserikan lagi dengan acara memotong kek bercorak logo baru UniSZA yang telah disempurnakan bersama oleh YBhg Tan Sri, Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA dan Naib Canselor sebagai simbol sempurnanya acara pelancaran logo.



UniSZA and Internationalisation in 2013

In early March 2013, Universiti Sultan Zainal Abidin established its first ever International Centre. At the time, it was named the Centre for International Affairs. Over the months, the new centre grew and expanded. Today it is located in the Chancellery building and is known as the Corporate and International Communication Centre (CICC).

In less than a year, the new centre has worked to improve and expand UniSZA's image on the world stage. One of the main roles of CICC is to manage all Memorandums of Understanding (MoU) by the university as well as Memorandums of Agreement (MoA). This involves cataloguing MoU's already in effect, as well as assisting in building new links with universities overseas through the establishment of new MoU's. To date UniSZA has 46 active MoU's and MoA's with other institutions from many different parts of the world. In the last ten months alone, CICC has assisted in solidifying no less than 14 new MoU's from universities in China, Japan, Indonesia, Brunei, Nigeria, Egypt and Palestine.

MoU's are not an end in themselves, but rather a beginning. With the new MoU's, UniSZA must strive to ensure that the agreements remain active, supporting student and staff exchanges, joint research efforts and other collaborative engagements. Faculties play the main role here in seeing that the goals set out in the documents are realized.

Three MoU's were signed in China recently with three different universities. As evidence of MoU activity, UniSZA has already received a group of 23 law students from China who visited our Gong Badak campus for a week in early November. The group enjoyed familiarization tours of campus and Kuala Terengganu, they spent a morning exploring the forests surrounding Tasik Kenyir, Terengganu, and participated in the *International Seminar on Selected Legal Issues in Asia* organized by the Faculty of Law and International Relations.

In addition to MoU's, CICC has also concentrated its efforts on promoting UniSZA to potential students overseas. In 2013 CICC attended seven different student promotional fairs. These fairs took place in Medan, Makassar and Samarinda in Indonesia; Bandar Seri Begawan, Brunei; Riyadh and Jeddah in Saudi Arabia, and Ho Chi Minh in Vietnam. In addition to providing the opportunity



to promote UniSZA face to face with potential students, these trips were used to meet with government officials in other countries, to introduce them to UniSZA, and show what we offer students in the way of an international education.

International students are an important part of campus life. By having a diverse student body, everyone benefits. And while we have a small international population on campus at the moment, it is set to grow rapidly in 2014. Currently we have almost 70 undergraduate and postgraduate students from Ghana, Bangladesh, Pakistan, Iraq, Cambodia, Thailand, Brunei, Indonesia, Yemen, Syria, Egypt, Sudan and Palestine.

Having such diverse cultures and languages on campus is part of what a university strives to be. Harvesting this variety benefits not just those of us on campus but the greater community as well.





Menyuburkan Percambahan Ilmu Melalui Karya Ilmiah

Oleh: Zurina Mansor
Pegawai Penerbitan

Sejajar dengan perkembangan era globalisasi, universiti perlu bertindak seiring dengan pembangunan negara untuk menyuburkan percambahan ilmu dalam kalangan masyarakat. Kecemerlangan sesebuah universiti tidak hanya diukur daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, tetapi turut dinilai daripada aspek penyelidikan dan penerbitan, khususnya penerbitan ilmiah. Penerbitan ilmiah bukan sahaja penting untuk membina keserjanaan seseorang ahli akademik, tetapi juga berperanan untuk menyebarkan luas dan memajukan sesuatu bidang ilmu.

Inti pati utama ucapan Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim ketika merasmikan Majlis Penyampaian Royalti dan Anugerah Buku UniSZA 2013 ini menunjukkan pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh tenaga akademik, khususnya warga UniSZA dalam usaha menyalurkan dan menyuburkan percambahan ilmu dalam kalangan masyarakat. Majlis yang diadakan pada 31 Oktober 2013 di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu ini bertujuan untuk meraikan para karyawan UniSZA yang bertungkus lumus menghasilkan penerbitan masing-masing bersama Penerbit UniSZA.

Memulakan dengan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para penulis, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim dalam ucapannya menyatakan bahawa program tersebut cukup bermakna dalam usaha untuk merencanakan penerbitan, terutamanya buku ilmiah dalam kalangan ahli akademik di UniSZA. Dari dulu hingga kini, buku merupakan satu wadah dan kaedah penting yang digunakan bagi menyebarkan pelbagai ilmu. Ketika jurnal atau makalah ilmiah yang lain belum diperkenalkan, buku telah diangkat sebagai satu kaedah penerbitan yang mempunyai nilai. Ini kerana, usaha untuk menghasilkan sebuah buku bukan satu kerja yang mudah dan remeh. Proses menghasilkannya bukan hanya memerlukan seseorang penulis itu berteleku sepanjang masa di hadapan komputer, menanti munculnya ilham sebagaimana menulis novel atau cerpen. Tetapi proses penulisan buku ilmiah ini perlu dimulakan dengan kerja-kerja penyelidikan. Data-data penyelidikan itu perlu dianalisis, diolah dan diulas sehingga terhasilnya sebuah buku yang setiap lembarnya mengalir berjuta cahaya dan setiap aksaranya membuka jendela dunia. Ringkasnya,

proses menghasilkan sesebuah buku memerlukan kesabaran, kemahiran, ketekunan serta memastikan data dan fakta yang dikemukakan adalah sahih dan tepat.

Oleh itu, majlis yang julung-julung kali diadakan ini merupakan satu pengiktirafan daripada pengurusan tertinggi UniSZA kepada ahli akademik yang cemerlang dalam bidang penerbitan. Atas dasar itulah, para penulis yang layak menerima royalti dijemput hadir ke majlis berkenaan bagi meraikan penat lelah dan kesungguhan mereka dalam menghasilkan karya-karya ilmiah untuk diterbitkan oleh Penerbit UniSZA. Sebagai permulaan, pada tahun ini pihak pengurusan UniSZA bersetuju untuk memberikan anugerah khas kepada tiga buah buku yang berjaya mendapat kutipan royalti tertinggi berdasarkan jumlah buku yang berjaya dijual. Selain memberi galakan kepada penulis supaya menghasilkan lebih banyak karya, objektif penganjuran majlis ini juga bertujuan untuk memberi galakan kepada warga akademik UniSZA yang lain supaya turut sama menghasilkan karya ilmiah masing-masing dengan menggunakan pelbagai platform yang disediakan oleh pihak universiti. Sebagai seorang pensyarah, amanah dan tanggungjawab yang dipikul tidak hanya tertakluk kepada pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga merangkumi kerja-kerja penyelidikan, penulisan dan penerbitan.



Prof. Dr. Yahaya Ibrahim juga menarik perhatian semua hadirin dalam ucapannya dengan menegaskan bahawa beliau sangat menggalakkan penulisan buku sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Untuk tujuan kenaikan pangkat, pihak pengurusan universiti telah menetapkan bahawa buku yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA akan diberikan pemberat yang lebih berbanding dengan buku yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit buku ilmiah yang lain. Nilai bagi sebuah buku yang diterbitkan adalah bersamaan dengan penerbitan tiga artikel dalam jurnal. Justeru, para pensyarah sangat digalakkan untuk merombak dan menerbitkan tesis atau laporan penyelidikan masing-masing sebagai pembuka jalan untuk menerbitkan buku-buku yang seterusnya. Namun begitu, setiap penyelidikan yang ingin diterbitkan perlu mendapat izin daripada penaja geran penyelidikan berkenaan. Naib Canselor juga menegaskan bahawa setiap dekan perlu memastikan fakulti masing-masing mempunyai sekurang-kurangnya sebuah buku untuk diterbitkan bagi setiap semester. Semua warga akademik UniSZA perlu menggunakan ruang dan peluang yang disediakan oleh pihak universiti bagi meningkatkan kemahiran masing-masing dalam menghasilkan penerbitan ilmiah. Ini bukan sahaja memberi faedah kepada perkembangan kerjaya mereka, tetapi turut memberikan impak positif terhadap perkembangan UniSZA sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Bagi menyokong usaha-usaha penerbitan ilmiah dalam kalangan sarjana, Penerbit UniSZA ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada penerbitan universiti, khasnya penerbitan ilmiah dan separa ilmiah yang bersesuaian dengan citra universiti. Di samping membangunkan program penerbitan ilmiah, Penerbit UniSZA juga berperanan untuk menguruskan latihan penulisan kepada staf akademik. Pihak pengurusan universiti sedang dalam usaha untuk memantapkan

Penerbit UniSZA daripada semua segi sama ada perjawatan, kepimpinan, peruntukan mahupun prasarannya bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menghasilkan terbitan ilmiah. Bagi menampung masalah kekurangan manuskrip, pihak pengurusan universiti sangat menghargai usaha-usaha yang diambil oleh Penerbit UniSZA bagi mendapatkan lebih banyak manuskrip. Bengkel Tesis ke Buku 2013 misalnya, boleh terus diadakan setiap tahun sebagai langkah awal untuk melatih para pensyarah, khususnya pensyarah muda untuk mula bergiat dalam penerbitan ilmiah.

Untuk memartabatkan nama UniSZA, selain daripada buku ilmiah dan separa ilmiah, buku-buku yang mempunyai nilai-nilai komersial seperti *coffee table book* perlu diperbanyakkan penerbitannya. Ini kerana buku-buku ini berupaya memperkenalkan UniSZA kepada khalayak umum. Berbanding dengan buku yang bersifat ilmiah, buku-buku sebegini mempunyai khalayak pembaca yang lebih ramai dan tidak tertumpu kepada pembaca dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Buku-buku seumpama ini juga selalunya mendapat tempat dalam pameran-pameran buku antarabangsa.

Mengakhiri ucapannya dengan ungkapan daripada Toni Morrison iaitu, *"If there's a book you really want to read but it hasn't been written yet, then you must write it,"* Prof. Dr. Yahaya Ibrahim sekali lagi menegaskan bahawa seorang pensyarah tidak boleh lari dari aktiviti membaca, menyelidik, menulis dan menerbit kerana itulah amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dan dilaksanakan. Buku bukan sahaja bisa menjadi sahabat, tetapi juga guru dan pembimbing kerana buku adalah gudang ilmu. Kesimpulannya, buku dan dunia ahli akademik tidak dapat dipisahkan, kerana menerusi bukulah ilmu dapat dicambah, disebar dan disebarkan.



Bengkel

Pemurnian Kertas Konsep Penubuhan ESERI

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah menganjurkan *Bengkel Permurnian Kertas Konsep Penubuhan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)* pada 20 Julai 2013 di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu.

Para peserta bengkel adalah terdiri daripada penasihat dari Jabatan Pengairan dan Saliran Terengganu, Jabatan Alam Sekitar, TNB Research Sdn. Bhd. dan Jabatan Sains Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia. Turut sama menyumbang buah fikiran dan pandangan adalah para dekan dari Fakulti Reka Bentuk & Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Pertanian, Bioteknologi & Sains Makanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Fakulti Informatik & Komputeran serta Pusat Perancangan Strategik & Indeks Prestasi Utama.

Bengkel ini diadakan bagi memperoleh input serta idea dalam usaha memurnikan kertas konsep penubuhan ESERI. Bengkel ini juga mendapat manfaat dari perkongsian pengalaman dan idea para penasihat yang banyak menyumbang dalam penyelidikan alam sekitar. Penubuhan ESERI dijangka bakal melahirkan tenaga pakar dalam bidang sains dan kejuruteraan alam sekitar melalui penawaran program pengajian di peringkat siswazah.



Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Geran Penyelidikan NIC (NRGS)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dana khas penyelidikan kepada Universiti Komprehensif dan Komprehensif Berfokus dalam *Majlis Amanat Tahun Baharu 2013 Menteri Pengajian Tinggi* yang diadakan pada 29 Januari 2013. Tujuan dana khas ini diperkenalkan adalah untuk membangunkan NIC bagi 11 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berstatus Universiti Komprehensif dan Komprehensif Berfokus.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menganjurkan *Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Geran Penyelidikan NIC (NRGS)* pada 3 September 2013 (Selasa) jam 3.00 petang hingga 11.00 malam bertempat di Kuala Terengganu Golf Resort. Bengkel kali kedua pula diadakan pada 5 September 2013 (Khamis) jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di TH Hotel & Convention Centre Terengganu.

Bengkel ini dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan 30 orang peserta yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti, Ketua-Ketua Pusat Kecemerlangan serta ahli penyelidik yang terlibat di bawah Dana Khas Penyelidikan Universiti Komprehensif Berfokus Skim Geran Penyelidikan NIC (NRGS).

Pembentangan Kertas Kerja Penuh telah disempurnakan pada 19 September 2013 di The Royal Bintang Resort & Spa, Seremban di hadapan barisan panel yang dilantik oleh KPM.





Kursus Kebangsaan E-EAFM

Program Sumber-sumber Akuatik, Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan (FPBSM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bersama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perikanan Sabah dan *World Wild Fund for Nature-Malaysia* telah bergabung tenaga menganjurkan Kursus Kebangsaan *Essential Ecosystem Approach to Fisheries Management (E-EAFM)* di Hotel Aston, Nilai, Negeri Sembilan pada 7-11 Oktober 2013.



Kursus selama lima hari ini adalah kursus yang julung kali dianjurkan di peringkat kebangsaan dan merupakan komitmen Kerajaan Malaysia menyahut seruan *Food and Agriculture Organization (FAO)* untuk melaksanakan Pengurusan Perikanan melalui Pendekatan Ekosistem dalam usaha pengurusan sumber perikanan dan ekosistem akuatik.

Malaysia juga amat berbangga dengan penganjuran kursus ini kerana Malaysia merupakan negara pertama antara negara-negara Inisiatif Segitiga Terumbu Karang Serantau yang berjaya menganjurkan kursus sedemikian di peringkat kebangsaan. Kursus yang telah dihadiri oleh 20 peserta dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada para pegawai telah dilatih oleh empat penceramah E-EAFM tempatan daripada Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perikanan Sabah, UniSZA dan *World Wild Fund for Nature-Malaysia*. Modul pengajaran yang digunakan berasaskan pada Modul Kursus E-EAFM Antarabangsa yang telah diilhamkan oleh *US Agency for International Aid (USAID)*, *National Oceanographic and Atmospheric (NOAA)*, *Food and Agriculture Organization (FAO)*, *Asia-Pacific Fishery Commission (APFIC)* dan *IMA International, United Kingdom*.

Kursus kebangsaan ini telah berjaya melahirkan satu generasi pengurus sektor perikanan di Malaysia yang celik E-EAFM dan berpengetahuan tentang pengurusan sumber melalui E-EAFM yang ditekankan dalam Gol ke-2, Inisiatif Segitiga Terumbu Karang Serantau (CTI) untuk mencapai sistem perundangan, polisi dan tatacara pengawalseliaan yang mantap.



Kursus Peningkatan Produktiviti Pasukan

Pejabat Pendaftar telah mengadakan Kursus Peningkatan Produktiviti Pasukan (*High Performing Team*) kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 23 hingga 25 Oktober 2013 bertempat di Lanjut Golden Beach & Golf Resort, Rompin, Pahang.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap keperluan untuk berperanan secara lebih berkesan terhadap perkembangan diri dan organisasi yang saling melengkapi. Selain itu juga, kemahiran serta kecekapan diperlukan untuk lebih bekerjasama dalam mencapai matlamat perkembangan organisasi secara berterusan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat.

Kehadiran Ketua PTJ serta wakil KPTJ dalam kursus ini diharapkan mampu memberikan impak yang besar dalam menjayakan transformasi universiti.

Perasmian penutup kursus ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman. Dalam ucapan penutup beliau telah menyatakan hasrat pengurusan tertinggi universiti berkaitan kepentingan pelaksanaan transformasi universiti melalui kerjasama oleh setiap KPTJ supaya transformasi dapat dilaksanakan dengan jayanya serta melonjakkan nama universiti.

Pendekatan program berteraskan keseimbangan aspek teori dan praktikal serta keseimbangan aktiviti di dalam dan luar kelas. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari telah didedahkan kepada beberapa modul yang bersesuaian seperti *the vision, the people, the strategy, the touch, the one, the challenges* dan *the collaboration*. Diharapkan dengan semangat serta ilmu yang telah dipelajari semasa berkursus ini peserta dapat meneroka, menghayati dan menikmati pengalaman pembelajaran yang akan melonjakkan kecemerlangan peribadi, pasukan serta mampu memberikan impak perubahan yang besar dalam melancarkan proses transformasi universiti.



Makmal Kecemerlangan Hospital Universiti 2013

Hospital Pengajar Universiti (HPU) adalah sebuah hospital yang ditadbir oleh universiti dan menyokong aktiviti-aktiviti fakulti perubatan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kesihatan. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. HPU berfungsi melahirkan doktor-doktor perubatan dan pakar serta ahli-ahli profesional kesihatan yang berkualiti melalui aktiviti-aktiviti tersebut. Ini seterusnya disokong oleh penyelidik-penyelidik klinikal yang cemerlang serta berfokus melalui perkhidmatan terkini.

Berdasarkan hala tuju sesebuah HPU, isu-isu dan cabaran semasa harus dikenalpasti. Kakitangan Pusat Pembangunan Hospital Universiti (PPHU) telah menyertai Makmal Kecemerlangan Hospital Pengajar Universiti 2013 yang dianjurkan oleh Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Makmal ini telah diadakan pada 26-28 Oktober 2013 bertempat di Holiday Villa Hotel & Suites Kota Bharu, Kelantan.

Makmal tersebut dirasmikan oleh Pengarah Kampus Kesihatan USM, Prof. Dato' Dr. Mafauzy Mohamed yang seterusnya membentangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam sistem tadbir urus HPU. Antara isu-isu yang telah diutarakan adalah berkenaan isu dalam pemilihan pengarah hospital sama ada daripada kalangan dekan ataupun pengurusan berasingan daripada fakulti. Isu seterusnya menyentuh tentang pengurusan sumber manusia dan latihan secara efektif bagi sesebuah HPU. Slot ini telah dikendalikan oleh Timbalan Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia HUSM, Tn. Haji Anislan Yusof. Slot ini memberi gambaran awal bagaimana perjawatan di HUSM dikendalikan serta bilangan kakitangan sedia ada di HUSM.



Isu seterusnya membincangkan konsep dan realiti sebenar sesebuah HPU. Dekan Kejuruteraan Awam, USM, Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah telah membincangkan tentang penambahbaikan ekosistem yang memastikan usaha HPU berjaya dan meningkatkan keupayaan Hospital IPTA sebagai Hospital Pengajaran bagi menyokong usaha dan agenda akademik di Pusat Tanggungjawab berasaskan kesihatan.

Kemuncak kepada makmal ini ialah pembahagian peserta bengkel kepada beberapa kumpulan bagi membincangkan isu-isu dan cabaran HPU di peringkat pembinaan mahupun pengurusan. Melalui perbincangan ini, setiap peserta dapat memberikan pandangan dan pendapat serta input dari peserta lain.

Makmal Kecemerlangan Hospital Universiti memberi impak yang sangat baik dalam pembinaan dan pengurusan HPU serta memberi maklumat kepada IPTA yang merancang untuk membangunkan HPU bagi memastikan HPU yang dibina dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang.



Memantapkan P&P dalam Kalangan Warga UniSZA

Pusat Pengurusan Bakat & Kualiti Akademik (CTMAQ), UniSZA telah menjalankan usaha-usaha untuk memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan warga UniSZA. Usaha ini direalisasikan melalui penganjuran dua bengkel iaitu Bengkel *Learning Outcome and Assesment Using Excel UniSZA 2013* pada 22 September 2013 di Auditorium Akademik dan Bengkel *e-Learning UniSZA 2013* pada 20 hingga 21 Oktober 2013 di Dewan Panca Delima, Pusat Seni & Warisan UniSZA. Kedua-dua program ini dirasmikan oleh Pengarah CTMAQ, Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf.

Bengkel pertama telah dihadiri oleh 90 orang peserta dan dikendalikan oleh Tuan Haji Mohd Nadzry Mohd dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan disertai seramai 90 orang peserta dari semua fakulti. Bengkel kedua pula dikendalikan oleh Dr. Mohd Shahril Othman, En. Mahadi Mohammad, En. Mohd Faizul Azmi dan En. Syed Mohd Hafiz Syed Omar daripada



Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA, dengan penyertaan seramai 20 orang.

Secara keseluruhannya, objektif utama bagi kedua-dua bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua pensyarah dalam menyediakan bahan pengajaran yang berkesan, bersesuaian dengan keupayaan dan gaya pembelajaran. Selain itu,

peserta juga diberi pendedahan untuk memantapkan penggunaan sistem *e-learning* bagi mewujudkan pembelajaran yang interaktif dan kolaboratif.

Penganjuran kedua-dua bengkel ini dilihat berupaya meningkatkan dan memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran para pensyarah UniSZA.





Membangun Karyawan Ilmiah

Dalam usaha untuk menambah kemahiran dan meningkatkan penerbitan ilmiah, Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Bengkel Tesis ke Buku 2013 pada 17-19 September 2013. Sasaran peserta adalah terdiri daripada tenaga akademik dalam bidang Sains Sosial. Bengkel yang diadakan di Rumbia Resort Villa, Paka ini dihadiri oleh 22 orang peserta yang berminat dan berhasrat untuk menerbitkan buku daripada tesis sarjana atau doktor falsafah masing-masing.

Penceramah dan fasilitator bengkel ini, iaitu Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan dari Universiti Malaya (UM) telah memberikan bimbingan dan latihan secara intensif kepada para peserta. Para peserta diberi maklumat berkaitan senario dan proses penerbitan ilmiah di Malaysia serta isu-isu kebolehterbitan dan kebolehpasaran tesis.

Penolong Naib Canselor UniSZA, Prof. Kamaruddin Mohd Said, dalam ucapan perasmianya menegaskan bahawa buku merupakan satu alat penting yang menyumbang kepada penyebaran ilmu. Buku mempunyai pengaruh besar dalam membentuk negara dan mencorakkan sosial.

Dalam pada itu, Pengarah Penerbit UniSZA, Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa Penerbit UniSZA sedang dalam usaha untuk meningkatkan jumlah penerbitan ilmiah oleh kakitangan akademik

UniSZA. Justeru, pelbagai perancangan telah diatur bagi membimbing dan membantu para pensyarah terutamanya pensyarah muda untuk bergiat aktif dalam menghasilkan karya-karya ilmiah.

Bagi memastikan proses perpindahan tesis kepada buku digarap mengikut piawaian buku ilmiah yang sepatutnya, para peserta turut didedahkan kepada perbezaan dan persamaan antara tesis dengan buku, teknik memindahkan tesis kepada buku dan ciri-ciri buku ilmiah.

Sebanyak 22 tajuk tesis yang dikemukakan adalah berpotensi untuk diterbitkan sebagai buku ilmiah. Hasil bimbingan daripada penceramah dan ulasan daripada pihak penerbit UniSZA, para peserta perlu menambahbaik dan melakukan pengubahsuaian terhadap manuskrip masing-masing sebelum dihantar untuk diterbitkan.



Menguasai Kemahiran Penulisan Cadangan dan Metodologi Penyelidikan



Bagi memantapkan penulisan cadangan dan metodologi penyelidikan, Pusat Pengurusan Bakat & Kualiti Akademik (CTMAQ), UniSZA telah menganjurkan Bengkel Persediaan PhD & Penulisan Cadangan Penyelidikan UniSZA 2013 pada 8 hingga 9 Mac di Dewan Panca Delima, UniSZA, dan Bengkel Metodologi Penyelidikan UniSZA 2013 pada 1 - 5 Oktober di Primula Beach Hotel Kuala Terengganu. Kedua-dua bengkel tersebut masing-masing dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Amran Ahmed dan Pengarah CTMAQ Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf.

Secara keseluruhannya, objektif kedua-dua bengkel tersebut adalah untuk membudayakan bidang penyelidikan di UniSZA, dengan penekanan khusus diberikan dari segi memantapkan kemahiran menulis kertas cadangan penyelidikan serta menguasai metodologi kajian. Melalui bengkel ini juga, para peserta berpeluang mempersiapkan diri untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang masing-masing.

Kedua-dua bengkel ini diharapkan berupaya meningkatkan motivasi para peserta untuk bergiat lebih aktif dalam bidang penyelidikan.



Pengenalan Penggunaan Perisian Mendeley dan Atlas.ti



Dalam dunia teknologi yang kian maju pada masa kini, pelbagai inovasi dalam penyelidikan telah dihasilkan. Inovasi ini mempercepatkan dan memudahkan proses penulisan khususnya dalam kalangan para penyelidik dan ahli akademik. Sebagai contoh adalah Mendeley dan Atlas.ti yang sangat membantu para penyelidik dalam menghasilkan sesuatu penulisan berunsur akademik.

Melihat kepada kemudahan yang dihasilkan ini, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah

menganjurkan Bengkel Asas Mendeley dan Atlas.ti pada 26 September 2013. Bengkel yang bertempat di Makmal Komputer FBK ini disertai oleh staf Universiti Sultan Zainal Abidin bermula jam 8.00 pagi – 5.00 petang. Bengkel ini dirasmikan oleh Dekan FBK, Dr. Nazri Latiff Azmi.

Bengkel ini dikendalikan oleh tiga fasilitator iaitu Puan Alia Nabila Alias, Puan Misrah Hamisah Mohamed dan Cik Zurina Khairuddin. Bengkel dimulakan dengan penerangan tentang penggunaan Mendeley dalam penyelidikan dan diteruskan dengan perkongsian tentang penggunaan Atlas.ti.

Para peserta berpuas hati dengan bengkel yang dianjurkan kerana ia memberi pendedahan yang diperlukan oleh mereka khususnya dalam mempersiapkan diri dalam penulisan tesis dan penulisan akademik yang lain. Mereka juga mengharapkan program seumpama ini dapat diadakan pada masa akan datang.

Bengkel yang dianjurkan oleh FBK ini bertujuan menambah pengetahuan para peserta khususnya dalam aktiviti penulisan akademik dan atas sambutan yang diterima, program ini akan diadakan pada masa akan datang.



Pendedahan Aktiviti P&P kepada Penolong Pendaftar

Pusat Pengurusan Bakat dan Kualiti Akademik, UniSZA telah mengadakan Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) Bagi Staf Bukan Akademik UniSZA 2013 pada 19-20 Oktober 2013, bertempat di Dewan Gamelan III, Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf, Pengarah Pusat Pengurusan Bakat & Kualiti Akademik.

Fasilitator bengkel ini dikendalikan oleh Tn. Hj. Mohd Nazrie Mohd Yusof, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Puncak Alam.

Pengarah Pusat Pembangunan Akademik Prof. Dr Zulkifli A. Manaf berkata, antara objektif bengkel ini ialah memenuhi Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada Penolong Pendaftar berkaitan dengan aktiviti yang menyokong Pengajaran & Pembelajaran (P&P), memberi kefahaman tentang aktiviti dalam P&P, meningkatkan kesedaran tentang peranan Penolong Pendaftar dalam aktiviti P&P, selain dapat mewujudkan kakitangan yang matang



dan bersedia untuk menerima tanggungjawab yang lebih besar. Adalah diharapkan, bengkel ini mampu mempertingkatkan lagi pengetahuan Penolong Pendaftar dalam P&P.

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Unit Audit Dalam (UAD) UniSZA telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) kali ke-4 pada tahun 2013 seperti yang dikehendaki Surat Pekeliling Am Bil. 3 1998. Kejayaan melaksanakan mesyuarat tersebut adalah hasil komitmen yang diberikan oleh semua staf UAD bermula daripada proses pengauditan sehinggalah kepada penerbitan laporan untuk dibentangkan kepada mesyuarat JKA. Sehingga mesyuarat JKA kali ke-4 tahun 2013 diadakan iaitu pada 28 Oktober 2013 sebanyak sembilan laporan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Pada mesyuarat ini juga ahli JKA telah menerima Rancangan Audit Tahun 2014 yang dicadangkan oleh UAD. Justeru itu, sebanyak 10 auditan bakal dilaksanakan pada tahun 2014 merangkumi auditan pengurusan kewangan dan prestasi.

Mesyuarat JKA UniSZA dipengerusikan oleh Dato' Haji Mokhtar Nong manakala ahli mesyuarat terdiri daripada Prof. Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim dan Dato' Prof. Dr. Hussin@Mohammad Ab. Rahman. Ketua UAD pula bertindak sebagai setiausaha mesyuarat.





PTM Anjur Bengkel FAQs & Helpdesk

Frequently Asked Questions atau lebih dikenali sebagai FAQs merupakan satu kaedah yang digunakan untuk memudahkan penyedia perkhidmatan dalam menangani permasalahan dan keperluan pengguna. FAQs akan memaparkan soalan-soalan yang biasa ditanya oleh pengguna terhadap sesebuah sistem perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat seperti Pusat Teknologi Maklumat (PTM). *Helpdesk* pula merupakan hub setempat bagi sebarang bentuk bantuan perkhidmatan kepada pengguna. Pengguna boleh menggunakan medium seperti telefon, emel, sistem pesanan ringkas (SMS) dan *online Helpdesk* untuk tujuan penyelesaian sebarang masalah ICT yang timbul semasa menjalankan tugas harian.

PTM UniSZA telah mengorak langkah bagi memantapkan perkhidmatan teknologi maklumat universiti dalam menangani sebarang bentuk aduan pengguna dengan menganjurkan Bengkel FAQs & Helpdesk pada 11 - 12 September 2013 bertempat di *Ri Yaz Heritage Resort & Spa*, Pulau Duyong Kuala Terengganu.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 20 orang kakitangan PTM yang terdiri daripada semua ketua bahagian,

ketua unit dan staf yang terlibat secara langsung dengan aduan pengguna. Peserta bengkel dibahagikan kepada beberapa kumpulan perbincangan mengikut skop tugas masing-masing dan hasil perbincangan dibentang pada akhir bengkel tersebut.

Objektif bengkel dua hari ini adalah untuk mengumpul dan menyeragamkan semua FAQs daripada setiap bahagian dalam PTM agar ia sesuai untuk dipaparkan kepada warga universiti sebagai rujukan. FAQs ini juga akan memudahkan pengguna dengan menyediakan soalan dan jawapan yang kerap ditanya oleh pengguna sama ada staf atau pelajar universiti. Selain daripada itu penggunaan *Helpdesk* juga diselaraskan dalam bengkel tersebut dan bagaimana masalah pengguna dapat diselesaikan dengan pantas.

Secara keseluruhannya penganjuran bengkel kali ini mendapat kerjasama yang baik daripada semua peserta dengan memberi komitmen sepenuhnya dalam aktiviti berkumpulan yang dilaksanakan. PTM berhasrat untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam semua aspek berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi UniSZA.



**Sejenak Bersama Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman**

Apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang YBhg. Prof. untuk menyemarakkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah UniSZA?

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Saudari yang sudi menjemput saya dalam ruangan tokoh untuk Buletin UniSZA bil. 11. Seperti yang sedia maklum, portfolio yang diamanahkan kepada saya lebih berfokus kepada penyelidikan, penerbitan, penghasilan inovasi dan perundingan. Saya lebih suka membahagikan perancangan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di UniSZA kepada dua bahagian, iaitu jangka pendek (kurang setahun) dan jangka panjang (melebihi setahun). Ia selaras dengan Pelan Transformasi yang diperkenalkan oleh Y.Bhg. Prof. Naib Canselor yang menekankan lima aspek utama dan antara yang diberi keutamaan ialah penyelidikan dan penerbitan.

Perancangan jangka pendek yang akan saya tekankan ialah:

- Penekanan kepada pembudayaan penyelidikan melalui perubahan *mind-set* atau perenggu minda para pensyarah. Saya suka nukilkan kata-kata

pujangga “esok sudah tidak boleh mengubah apa yang berlaku hari ini, tetapi hari ini masih boleh mengubah apa yang akan terjadi pada hari esok”. Justeru, untuk memastikan budaya penyelidikan dapat diterapkan, ia bukan satu proses yang singkat tetapi mestilah berterusan. Saya percaya ia mesti bermula dari bagaimana cara kita berfikir dan melakukan apa yang terbaik. Kita seharusnya perlu membiarkan minda dibuka untuk perkara baru dan bersedia melakukan perkara luar biasa untuk kejayaan yang luar biasa. Justeru, pencerahan maklumat melalui taklimat berterusan, usaha-usaha merancang, membangun dan mempergiat program penyelidikan mestilah dipergiatkan dalam kalangan pensyarah. Pada pandangan saya, kemampuan minda seseorang adalah berbeza antara satu sama lain. Inilah yang memberi kelebihan apabila dilakukan percambahan minda melibatkan banyak individu di UniSZA. Gagasan minda yang digabungkan membawa kepada satu kekuatan minda yang terbaik. Saya percaya pensyarah di UniSZA mampu membudayakan pemikiran yang kritis, mencipta kemajuan dan bergerak ke arah lebih baik. Belajarlah berfikir secara minda terbuka. Dengan cara itu juga

saya yakin kita mampu menerima transformasi universiti dengan senang hati, tidak berfikir negatif yang akhirnya menyebabkan wujudnya banyak sempadan diri. Kita sendiri mengatakan ini tidak boleh dan itu tidak mungkin menyebabkan akhirnya kita sendiri akan terbelakang dalam dunia akademik yang penuh mencabar. Bagi saya permulaan kejayaan ialah apabila kita berfikir tentang kejayaan. Permulaan untuk berubah ialah berubahnya cara berfikir. Sebab itu pentingnya mengamalkan pemikiran berasaskan intelektual yang saya nyatakan sebelumnya.



- Adalah tidak bijak sekiranya kita mahukan penyelidikan bermutu tanpa mengetahui hala tuju penyelidikan kita. Persoalan utama ialah adakah penyelidikan kita menyokong citra dan kehendak universiti dan Kementerian Pelajaran Malaysia? Di mana UniSZA dalam peta penyelidikan nasional dan dalam kalangan IPTA? Adakah teras penyelidikan kita sama atau perlu dipacu sehingga menjadi sebuah Universiti Penyelidikan (RU)? Hal ini juga perlu dijelaskan kepada pensyarah kita. UniSZA sebagaimana yang kita ketahui bukan dikategorikan sebagai universiti RU. UniSZA adalah salah sebuah daripada universiti bercirikan Universiti Komprehensif Berfokus (UKB). Dasar Universiti yang berteraskan Islam sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia jelas meletakkan Ilmu sebagai fokus utama. Oleh itu, berdasarkan hasil perbincangan bersama pihak KPM, UniSZA meletakkan 'Sains Wahyu' sebagai *niche* penyelidikan universiti. Sesuai dengan moto universiti yang mendokong falsafah Ilmu Demi Faedah Insan, warga UniSZA menjunjung ilmu yang ditunjangi oleh syariat Islam dan kita berazam menguasai semua ilmu sains sama ada sains tabii atau aplikasi bersifat sains fizikal, sains sosial ataupun sains kemanusiaan selagi tidak bertentangan dengan fitrah kognitif manusia (pengalaman, pengetahuan dan perasaan manusia) dan ilmu wahyu. Saya menganggap *niche* penyelidikan sangat penting dihayati agar nanti bentuk penyelidikan yang hendak dicapai tidak terpesong daripada *niche* yang saya sebutkan tadi. Lantaran itu, pengukuhan *niche* ini nanti akan membantu kepada penubuhan kluster dan *Special Interest Group* (SIG) yang saya anggap sebagai langkah jangka panjang yang akan saya jelaskan selepas ini.
- Adalah tidak adil kita mendesak pensyarah untuk menjalankan penyelidikan tanpa disokong oleh sistem dan prasarana yang teratur. Oleh itu, saya perlu mengatur perancangan dan persediaan yang rapi bagi memperoleh geran penyelidikan dalam dan luar negara. Saya bersyukur kerana Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), UniSZA amat banyak membantu saya dalam menguruskan penyelidikan secara sistematik

dan holistik. Untuk itu, saya mengalakkan CRIM, fakulti dan institut menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan seperti mengadakan bengkel, program latihan dan kursus jangka pendek dan jangka panjang dengan tujuan untuk meningkatkan jumlah penyelidikan universiti. Para pensyarah digalakkan untuk memohon bukan sahaja geran dalaman, malahan juga geran luaran dan antarabangsa. Saya bersyukur kerana di bawah fasa ke dua FRGS dan Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS), telah terdapat peningkatan yang ketara dari segi jumlah bilangan penyelidikan yang berjaya diperolehi berbanding tahun lepas. Tidak seperti tahun sebelumnya, sesiapa sahaja boleh memohon Geran Dalam Universiti. Sebenarnya geran ini tidaklah besar tetapi semua pensyarah hinggalah Profesor turut memohonnya. Saya melihat adalah tidak efisien geran yang kecil ini diagih-agihkan kepada semua pensyarah yang akhirnya menghasilkan penyelidikan yang kurang mutu dan *outcome*. Saya telah mencadangkan agar mulai tahun hadapan, geran ini hanya diperuntukkan kepada pensyarah muda yang baru menamatkan pengajian di peringkat Ph.D. Ini bertujuan memberikan pendedahan dan membudayakan bidang penyelidikan dalam kalangan mereka, manakala kalangan Prof. Madya dan Profesor, mereka boleh menjadi ahli penyelidik yang bukan sahaja pakar dalam bidang tetapi juga membantu, membimbing dan memandu pensyarah muda ini dalam menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi.

- Berkaitan dengan Dana Dalaman Universiti ini juga saya telah mencadangkan kepada pihak CRIM agar siling geran dinaikkan sehingga maksimum RM50 ribu. Sebelum ini Dana Penyelidikan Universiti secara maksimum yang boleh dipohon hanyalah sekitar RM10 ribu dan ini tidak memungkinkan hasil penyelidikan bermutu. Suka saya memetik kata-kata Aristotle, iaitu "*pengiktirafan dan ganjaran datang kepada mereka yang menunjukkan kualiti yang baik dalam perbuatannya*". Justeru, untuk menghasilkan

penyelidikan bermutu, bukan kuantiti penyelidikan yang kita mahukan, tetapi kualiti penyelidikan yang penting. Dengan dana yang agak besar, penyelidik boleh menyingkap penyelidikan dengan lebih baik, melantik pembantu penyelidik, mengaplikasi metod dan peralatan lebih terkini dan boleh digunakan juga untuk membentangkan hasil penyelidikan di seminar.

Itu sebahagian daripada perancangan jangka pendek, manakala perancangan jangka panjang pula saya anggap penting dalam mendokong budaya penyelidikan bermutu dan berterusan di UniSZA, ini termasuklah:

- Memperkukuh platform penyelidikan melalui penubuhan institut penyelidikan. Alhamdulillah, sehingga kini UniSZA telah berjaya menubuhkan tiga *COE (Centre of Excellent)* bertaraf institut dan satu bertaraf pusat. Tiga institut berkenaan ialah Institut Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Institut Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dan Agropolis UniSZA manakala satu Pusat Penyelidikan ialah Pusat Penyelidikan Perubatan Komuniti dan Kualiti Hidup yang mana saya yakin ia juga bakal diangkat menjadi sebuah institut, insya Allah. Kesemua *COE* ini akan menumpu dalam bidang penyelidikan berimpak tinggi melalui penawaran program pasca siswazah di samping geran-geran galakan akan dipohon melalui kerjasama dan perundingan. Saya berharap dengan gabungan kepakaran yang tersedia di *COE*, banyak pakar dalam dan luar negara dapat berkolaborasi di samping mempertingkatkan hubungan kerjasama dengan universiti luar negara, agensi kerajaan dan pihak industri bagi tujuan meningkatkan hasil penyelidikan. Saya juga dalam masa yang sama akan memperkukuh penyelidikan di fakulti. Insya Allah prasarana penyelidikan akan ditambah dari semasa ke semasa terutama di kampus baru kita di Tembila di samping memberi latihan-latihan yang diperlukan untuk pembangunan penyelidikan dalam kalangan kakitangan akademik melalui CRIM.
- Seperti yang saya sebutkan di awal perbualan kita, *niche* universiti mestilah diperkukuhkan asasnya melalui penubuhan kluster penyelidikan. Bagi saya penyelidikan yang baik adalah penyelidikan berkelompok yang mempunyai hala tuju yang ditunjangi oleh pendekatan multi-disiplin dalam menyelesaikan masalah penyelidikan. Justeru, UniSZA melalui pelan transformasi keduanya iaitu pemekaran bidang akademik, memperkenalkan enam kluster penyelidikan yang diketuai oleh setiap seorang ketua kluster. Ketua-ketua kluster ini nanti bakal memandu, memudah cara dan memacu penyelidikan mengikut kluster masing-masing. Keenam-enam kluster ini ialah (i) Peradaban Melayu dan Islam, (ii) Bio-Perubatan,

(iii) Perubatan Komuniti, (iv) Teknologi Termaju, (v) Agro Industri dan (vi) Produk Kewangan Islam. Saya berharap dengan penubuhan dan pelantikan ketua-ketua kluster ini dapat menggalakkan penyelidikan secara berkumpulan dalam kalangan pusat/ kumpulan/ makmal penyelidikan yang ditubuhkan di bawah Kluster Penyelidikan. Selain itu dapat membantu meningkatkan kemahiran penyelidik muda melalui konsep mentor dan akhirnya menjadi wadah kepada pensyarah menyumbangkan penyelidikan dalam bidang kepakaran tertentu.

- Pasca-siswazah merupakan salah satu elemen utama dalam penyelidikan. Selain keperluan geran dan infrastruktur yang saya sebutkan tadi, penyertaan golongan ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan penyelidikan. Saya perhatikan terdapat hubungan yang sangat signifikan antara penyelidikan oleh pelajar pasca-siswazah dengan penghasilan salah satu hasil penyelidikan utama iaitu penerbitan bermutu. Alhamdulillah pihak Pengurusan Tertinggi UniSZA amat memahami keadaan ini lantas menggalakkan promosi besar-besaran golongan ini untuk melanjutkan pengajian di UniSZA. Saya percaya banyak promosi telah diadakan sama ada dalam mahupun luar negara bagi tujuan ini. Hasilnya, kita bakal menerima hampir 400 pelajar pasca-siswazah bermula Januari 2014 yang berbiasiswa terutama dari Negara China, Negeri Kano, Nigeria dan Indonesia. Tidak juga lupa saya nyatakan di sini penubuhan sebuah lagi kampus antarabangsa UniSZA di Kuala Lumpur bertujuan menawarkan program di peringkat pasca-siswazah. Saya yakin dengan bilangan pelajar pasca-siswazah yang meningkat di semua kampus UniSZA sama ada di Gong Badak, Kota, Tembila dan Kampus Antarabangsa UniSZA di Kuala Lumpur, bilangan penerbitan juga akan meningkat dan turut menghasilkan penerbitan bermutu dalam bentuk jurnal, buku dan sebagainya. Sebenarnya ada banyak langkah lain yang berjalan seiring dengan langkah yang saya nyatakan di atas. Antaranya memperkukuh jalinan penyelidikan dua hala dengan universiti lain di Malaysia dan luar negara melalui MOU dan MOA, melantik felo kehormat, profesor pelawat dalam kalangan penyelidik dan pemain industri untuk sama-sama menyumbang ke arah penyelidikan bermutu dan menggalakkan pensyarah agar melengkapkan pengajian PhD masing-masing agar nanti mereka boleh menumpu kepada penyelidikan yang lebih berfokus. Tidak lupa pemerkasaan perundingan sebagai salah satu elemen mengiktiraf kepakaran penyelidik. Kita berbangga kerana UniSZA telahpun menubuhkan UniSZA *Consultation* di bawah UniSZA Holdings yang mana kewujudannya amat membantu dalam mempraktikkan ilmu dan kepakaran para penyelidik di sektor awam dan swasta.

22 Tokoh

- Saya ada menjelaskan hubungan tiga penjuror iaitu penyelidikan, pasca siswazah dan penerbitan bermutu. Pada hemat saya, penyelidikan yang bermutu hendaklah akhirnya diterjemah dalam bentuk pembinaan ilmu itu sendiri dan sumbangan penyelidikan kepada masyarakat. Saya berkata demikian kerana universiti seharusnya menjadi platform antara warga penyelidik dan masyarakat selaras dengan kehendak kementerian melalui *Universiti Community Transform Program* (UCTP). Apa guna kita menghasilkan banyak penyelidikan yang akhirnya hanya menghasilkan laporan yang disimpan di pejabat CRIM atau perpustakaan. Pada hemat saya, universiti bukan sekadar menara gading, tetapi adalah institusi pencinta ilmu, tempat di mana pengetahuan baharu diterokai, disampaikan kepada pelajar, dan dipindahkan kepada masyarakat. Di universitilah, cendekiawan (*scholar*) daripada pelbagai bidang berkumpul dan sentiasa mengabdikan diri kepada ilmu dan mereka menjadikan ilmu sebagai pegangan untuk membawa masyarakat maju ke hadapan. Oleh itu, saya amat menggalakkan pensyarah dan penyelidik untuk menerbitkan hasil penyelidikan sama ada dalam bentuk jurnal berimpak ataupun buku sebagai salah satu wadah penyampaian ilmu kepada masyarakat. Ini bukan sahaja menyumbang peningkatan KPI universiti seperti yang dikehendaki dalam penilaian MYRA dan SETARA, tetapi juga menjadi legasi kepada penyelidik dalam menyumbang ilmu kepada generasi akan datang. Ibarat kata pepatah melayu *"harta akan habis digunakan tanpa ilmu, tetapi sebaliknya ilmu akan bertambah jika ia digunakan"*. Oleh itu, mulai tahun 2014, saya telah mencadangkan bagi memotivasikan penyelidik untuk menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, ganjaran yang sewajarnya harus diberikan kepada mereka, terutama yang berjaya menghasilkan jurnal ber quartile 1,2,3 dan 4 serta diindeks oleh bibliometrik ISI, SCOPUS atau ERA. Bagi saya cadangan ini bukanlah bersifat jangka pendek, dan tidak juga jangka panjang. Ia perlu digemblengkan pada peringkat awal dan apabila penyelidik itu telah membiasakan diri, maka ganjaran ini bolehlah ditamatkan atau dikurangkan amaunnya. Sehubungan dengan itu, penyelidik dapat menerbitkan hasil penyelidikan mereka secara berterusan, kita juga telah mengemaskini sasaran penerbitan tahunan pensyarah, tidak kira sama ada mereka ini di tangga 52 hinggalah ke Jusa A (VK5). Dengan ini semua peringkat penyelidik di UniSZA akan sama-sama menyemarakkan dunia penerbitan.

Barangkali boleh YBhg. Prof. berbicara serba sedikit tentang *niche* penyelidikan di UniSZA? Dan apakah bentuk pelan strategik ke arah penjanaan bidang tujahan yang terdapat di setiap fakulti di UniSZA bagi memperkasakan *niche* tersebut?

Seperti yang saya jelaskan sebelum ini, kita telah pun memperkenalkan *niche* penyelidikan universiti, iaitu 'Sains Wahyu' sebagai salah satu perancangan jangka pendek manakala pelaksanaannya adalah untuk jangka panjang. Mengapa 'Sains Wahyu'? Sebenarnya *niche* UniSZA agak unik berbanding dua *niche* berteraskan Islam di Malaysia. Ini kerana sebagai universiti berteraskan falsafah sains al-Quran, UniSZA mengiktiraf sains sebagai salah satu cabang ilmu yang asasnya mengkaji sekumpulan pernyataan yang mesti dibuktikan dengan fakta, ia harus disusun secara bersistem dengan boleh diuji pula secara empirikal. Dengan erti kata lain, sains wahyu yang diketengahkan secara asasnya menggabungkan sains tabii dan sains sosial kemanusiaan tanpa mengeneipkan fungsi al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Malah jika kita mengkaji al-Quran itu sendiri, perkataan sains atau *'ilm* dalam bahasa Arab diulang-ulang sebanyak 811 kali dalam pelbagai bentuk dan variasi. Ini jelas menggambarkan bahawa sains berpaksikan wahyu merupakan elemen utama dalam meneroka ilmu Allah yang akhirnya boleh membawa kita mendekati diri kepadaNya.

Saya yakin dengan pengukuhan *niche* universiti, usaha memacu penyelidikan boleh dipercepatkan melalui pengukuhan kluster dan SIG. Dua elemen struktur ini telahpun saya perincikan sebagai salah satu perancangan jangka panjang membudayakan penyelidikan di UniSZA. Alhamdulillah, Y.Bhg. Prof. Naib Canselor telah pun mengisytiharkan pelantikan ketua-ketua kluster bagi enam bidang tujahan utama tersebut. Saya berharap mereka boleh melaksanakan tugas ini dengan cemerlang dengan memantapkan bidang penyelidikan di UniSZA, menggalakkan penyelidikan secara berkumpulan dalam kalangan pusat / kumpulan / makmal penyelidikan melalui SIG dan membantu meningkatkan kemahiran penyelidik muda melalui konsep mentor penyelidik.

Bagi merencanakan kegiatan penyelidikan, bagaimana pihak YBhg. Prof. mengatur strategi untuk meningkatkan jumlah penyelidikan, terutamanya dari sudut pertambahan bilangan kolaborasi dengan rakan penyelidik dan tenaga pakar dari luar UniSZA?

Ibarat hendak berperang, membawa senjata canggih tanpa mengetahui selok belok ilmu peperangan dan mengkaji kelemahan musuh, sebenarnya menjerumuskan kita kepada kekalahan. Begitu juga meningkatkan jumlah penyelidikan, memerlukan perancangan dan strategi rapi yang memerlukan kolaborasi penyelidik dan pentadbir universiti, penyelidik dengan rakan kesepakaran dalam dan luar negara serta yang paling utama sejauh mana kita sebagai penyelidik bersedia sebagai pemain utamanya. Dalam konteks kolaborasi dengan tenaga pakar luar UniSZA, kita boleh mengadakan jalinan strategik peringkat antarabangsa bagi membina kapasiti tenaga kerja akademik melalui pertukaran dan perkongsian kepakaran, program sangkutan, seminar dan lain-lain aktiviti berasaskan pengetahuan.

Dalam hal ini, saya melihat dua strategi utama, iaitu menarik penyelidik luar datang ke UniSZA dengan menyediakan promosi pakej penyelidikan terbaik sama ada melalui kepakaran penyelidikannya ataupun prasarana penyelidikannya, dan kedua ialah penyelidik itu sendiri berusaha mencari rangkaian penyelidikan melalui pembentangan dalam seminar antarabangsa, penglibatan badan profesional secara aktif dan menghasilkan penyelidikan bertaraf nobel. Saya yakin pengukuhan jaringan dan pengantarabangsaan merupakan pendekatan yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keperkasaan UniSZA agar setanding dengan IPTA lain di Malaysia. Apatah lagi dengan penubuhan Kampus Antarabangsa UniSZA di Kuala Lumpur diyakini dapat mempertingkatkan lagi peluang berkolaborasi dengan penyelidik luar.

Pada pandangan YBhg. Prof., bidang manakah yang perlu diberi keutamaan dalam usaha menghasilkan produk inovasi berasaskan penyelidikan?

Sebelum saya membicarakan bidang manakah yang perlu diberi keutamaan dalam menghasilkan produk inovasi berasaskan penyelidikan, izinkan saya menjelaskan dahulu terminologi produk inovasi itu dahulu. Bagi saya penghasilan produk berinovasi bukanlah semata-mata kepada reka bentuknya yang canggih, *user friendly* dan tahan lama, tapi yang penting sejauh mana ia berdaya komersil dan dengan kos yang efektif. Apalah guna penyelidik kita menghasilkan rekaan yang hebat tetapi ia terlalu mahal dan tidak mampu dimiliki oleh orang ramai. Akhirnya nanti, penyelidikan yang memakan belanja yang banyak itu tidak dapat dikomersilkan dan tinggallah menjadi laporan akhir penyelidikan. Berbalik semula kepada persoalan awal, jika ditanya saya bidang apakah yang perlu diberi keutamaan, saya rasa semua produk berasaskan penyelidikan sama ada berupa reka bentuk, reka cipta, teknologi, perisian, formulasi atau proses yang didaftar sebagai harta intelek mesti diberi keutamaan. Hakikatnya produk inovasi yang saya sebutkan hampir kesemuanya berteraskan sains teknologi dan perubatan. Namun bolehkah bukan sains menghasilkan produk berinovasi? Sudah tentu boleh, pastinya melalui sumbangan tidak langsung yang memberi impak dari segi penjaan ilmu ke arah peningkatan kualiti hidup dan pembangunan industri.

Antara peranan universiti adalah membina bangsa dan memasyarakatkan ilmu. Boleh YBhg. Prof jelaskan bagaimana ia dapat dilaksanakan dari perspektif penyelidikan terutamanya yang berkaitan dengan 'research output'?

Terima kasih atas soalan berkenaan. Sebuah universiti bagi saya ialah sebuah institusi yang lahir daripada inspirasi masyarakat yang dahagakan ilmu. UniSZA yang dahulunya KUSZA lahir kerana masyarakat di Terengganu mahukan institusi yang boleh memberikan mereka ilmu pengetahuan. Hakikatnya,



universiti bukan hak eksklusif para sarjana sahaja. Warga universiti hanyalah menjaga amanah kerana pada akhirnya, apa sahaja produk, penghasilan atau penyelidikan itu mesti kembali dimanfaatkan kepada rakyat untuk kepentingan masyarakat. Saya percaya peranan universiti dalam konteks ini mampu diterjemahkan melalui falsafah pendemokrasian pendidikan tinggi supaya semua lapisan masyarakat boleh mendapat pendidikan tinggi yang berkualiti. Sebab itu di bawah transformasi pengurusan baru di UniSZA, peluang pengajian tertiar telah diberi ruang seluasnya untuk mereka yang berkelayakan. Itu dari aspek pendemokrasian pendidikan. Dari segi penyelidikan pula, masyarakat telah banyak mendapat manfaat hasil daripada *research output*. Ini termasuklah beberapa penyelidikan berimpak tinggi seperti Penyelidikan Ubi Gadong berjumlah RM2.2 juta oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Saya difahamkan melalui hasil penyelidikan ini telah dapat meningkatkan pengeluaran bahan makanan berasaskan ubi gadong di samping berjaya menyahkan bahan toksid pada ubi gadong. Saya juga melihat kejayaan UniSZA dalam memenangi satu emas (Termasuk Anugerah Khas Korea Foundation), satu perak dan lapan gangsa di Persidangan dan Expo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2013) baru-baru ini telah memberikan lebih ruang dan peluang bagi produk penyelidikan ini dipasarkan kepada masyarakat.

Selain itu, usaha memasyarakatkan ilmu melalui penyelidikan juga boleh dilaksanakan apabila UniSZA nanti mempunyai Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau lebih dikenali dengan nama UCTC (*University Community Transformation Centre*) sendiri. Penubuhan pusat ini saya rasa perlu disegerakan. Saya optimis, sesuai dengan tujuan pusat ini diwujudkan

iaitu untuk memberi kemudahan buat komuniti untuk mengakses fasiliti-fasiliti yang wujud di UniSZA selain membuka peluang untuk program sukarelawan antara siswazah dengan komuniti tempatan, masyarakat mempunyai banyak peluang menimba ilmu dan menggunakan kemudahan di universiti, misalnya perpustakaan, pusat sukan dan sebagainya.

UniSZA banyak menjalinkan hubungan persefahaman dengan universiti-universiti di luar negara. Bagaimana Y.Bhg. Prof. melihat usaha-usaha ini dapat membawa impak positif dalam aktiviti penyelidikan UniSZA?

Alhamdulillah, saya lihat UniSZA telah berjaya mengadakan perjanjian persefahaman dengan universiti luar negara, antaranya Jepun, Indonesia, Nigeria, Timur Tengah dan lain-lain. Tidak lupa UniSZA turut berjaya mengadakan MoU dengan Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dan Syarikat Multinasional NEC. Kita memang menggalakkan MoU ini kerana ia memberikan impak secara langsung kepada aktiviti penyelidikan di UniSZA. Misalnya dengan termenterainya MoU antara UniSZA dengan universiti di Jepun dan Indonesia, ia dapat mengukuhkan kerjasama teknikal di samping berkongsi hasil penyelidikan, penerbitan akademik dan sabatikal. Selain itu, UniSZA juga telah menandatangani MoU bersama Jabatan Alam Sekitar Terengganu (JAS). Melalui MoU ini, kita bukan sahaja diberi peluang untuk menyediakan khidmat pengajaran dan kepakaran kepada mereka, tetapi pada masa yang sama kita juga memberi peluang kepada kakitangan di JAS bukan sahaja di Terengganu malahan juga JAS seluruh Malaysia untuk mewujudkan *joint research* serta menyambung pengajian mereka di UniSZA khususnya di Pusat Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI).

Berdasarkan pengalaman Y.Bhg. Prof. memegang amanah sebagai TNC (P&I), apakah cabaran utama yang dihadapi untuk membudayakan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik dan bagaimana Y.Bhg. Prof. mengurus cabaran tersebut?

Sebelum saya menjawab soalan tersebut, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia iaitu Y.A.B Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Y.Bhg. Prof. Naib Canselor, Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia dan Ahli Lembaga Pengarah UniSZA yang telah memberi kepercayaan kepada saya memegang amanah sebagai TNC (P&I). Saya masih ingat kata-kata Y.Bhg. Prof. Naib Canselor yang mahukan saya bersama barisan kepimpinan tertinggi UniSZA mengangkat UniSZA menjadi sebuah universiti yang tersohor bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di dunia. Saya menyahut cabaran beliau dan yakin,

asas UniSZA sudahpun kukuh, yang penting cuma memimpin dan memandu UniSZA ke arah landasan yang betul. Mendahulukan yang hakiki, memperbaiki sistem pengajaran dan penyelidikan dan mengubah minda agar bersedia serta berazam untuk sama-sama memajukan UniSZA. Inilah sebenarnya cabaran utama saya di UniSZA sekarang. Bagi saya membudayakan penyelidikan bukan satu proses yang singkat. Universiti yang telah bertaraf RU sendiri mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi sebuah universiti RU. Namun perlukah kita juga mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi sebuah universiti tersohor? Tentu jawapannya tidak kerana modelnya telah tersedia, hanya acuan bagaimana kita hendak membentuk UniSZA sahaja yang perlu diperkukuhkan sesuai dengan UniSZA sebagai sebuah universiti komprehensif berfokus.

Saya mempunyai kaedah tersendiri bagaimana mengurus cabaran ini. Apabila disebut 'cabaran' hanya ada dua pendekatan sahaja diterima, "*U take it, or leave it*"! Maka saya memilih "*I take it*". Prinsip saya mudah, saya seronok dengan cabaran, semakin hebat cabaran itu, maka semakin teruja saya ingin mencapainya. Namun begitu, niat saya hanyalah satu, iaitu hanya untuk mendapat keredhaan-Nya. Justeru, dalam usaha saya menyahut cabaran di atas, saya sentiasa cuba berhemah dalam segala hal urusan penyelidikan. Saya percaya keberhemahanlah yang membantu saya mencapai keredhaan yang saya sebutkan tadi. Daripada berhemah, timbulnya keikhlasan dan keseronokan. Akhirnya cabaran itu sebenarnya hanya satu halangan yang mudah diatasi. Setakat ini Alhamdulillah, saya tidak merasakan cabaran yang berat dalam tugas harian saya. Saya mempunyai rakan dan kakitangan yang hebat di sekeliling saya. Daripada pelajar, kakitangan sokongan hinggalah ke Naib Canselor. Saya juga bersyukur ibubapa, isteri dan anak-anak saya memahami tugas saya. Mereka banyak memberi motivasi dan semangat. Sebagai seorang '*biker*', kami suami isteri akan mengembara dengan motosikal sejauh mana yang mampu, aktiviti ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan tekanan bekerja! "*It's not how fast you go, It's about enjoying the ride*". Selalunya dengan beriadah sebegini, idea baru akan terbit dan cabaran boleh dihadapi dengan hati terbuka.

Bagi saya, secara peribadinya, mengurus cabaran untuk membudayakan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik UniSZA memerlukan usaha kolektif dan berterusan. Ia akan mudah diuruskan jika kita memberikan tumpuan kepada teras penyelidikan itu sendiri, iaitu kesediaan penyelidik mengubah perengku minda mereka dan kesediaan universiti menyediakan dasar dan prasarana kepada penyelidikan itu sendiri. Yang penting segala usaha perlu dilakukan agar kegiatan penyelidikan dimudahkan dalam konteks perancangan, pelaksanaan serta pembangunan hasil penyelidikan.



Sejenak Bersama Timbalan Naib Canselor (HEPA) **Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar**

UniSZA semakin berkembang dengan beroperasinya tiga buah kampus lagi selain Gong Badak, iaitu Kampus Kota, Kampus Tembila dan Kampus Kuala Lumpur. Justeru, apakah perancangan YBhg. TNC bagi memastikan hubungan antara para pelajar di semua kampus tersebut terus terjalin atas semangat 'Satu UniSZA'?

Alhamdulillah, UniSZA semakin berkembang dan sekarang telah mempunyai beberapa kampus seperti yang dinyatakan. Dalam usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dengan semangat Satu UniSZA beberapa aktiviti telah dan akan terus dilaksanakan iaitu:

1. Menentukan aktiviti-aktiviti di peringkat universiti seboleh-bolehnya akan disertai oleh semua pelajar daripada pelbagai kampus. Aktiviti-aktiviti ini merangkumi aktiviti sukan, kesenian dan kebudayaan, bengkel dan perkhemahan, kerohanian, keusahawanan dan lain-lain bentuk aktiviti holistik pelajar.
2. Seperti biasa seawal kemasukan pelajar-pelajar baru ke UniSZA, HEPA akan mengendalikan Program Minggu Mesra Siswa yang mengumpulkan kesemua mahasiswa dari ketigatiga kampus di kampus Gong Badak. Melalui program ini hubungan awal antara sesama pelajar baru dan juga hubungan dengan para pelajar lama akan dapat disemai. Seterusnya pengisian Program Minggu Mesra Siswa ini dipenuhi dengan maklumat mengenai UniSZA dan program pengajian mereka. Program ini juga diisi dengan aktiviti kepimpinan, membentuk jati diri, nilai kasih sayang dan semangat cintakan universiti. Dengan cara itu membolehkan mereka menghayati kehidupan masyarakat kampus yang mempunyai pelbagai jenis kaum dan etnik seterusnya akan memberi pendedahan awal kepada mereka untuk menjadi warga UniSZA yang menyumbang kepada pencapaian matlamat UniSZA khususnya dan kerajaan amnya.
3. Mengadakan penggiliran penganjuran program anjuran universiti di semua kampus mengikut kesesuaian. Dengan ini berlakulah pergerakan pelajar dari pelbagai kampus ke kampus yang menjadi tuan rumah program-program tersebut.
4. Akan diadakan aktiviti-aktiviti lawatan dan pertukaran program pelajar antara kampus. Juga akan digalakkan program-program seperti Hari Terbuka Kolej Kediamanan, Program Khidmat Bakti Siswa, Karnival Sukan Antara Kampus, Hari Keluarga dan sebagainya.

Insha Allah sekiranya semua warga kampus komited dan terbuka hati mengambil bahagian dalam aktiviti – aktiviti yang dirancang, saya yakin mereka pasti dapat menghayati dan menyuburkan rasa kecintaan kepada institusi kita iaitu UniSZA. Sesungguhnya kerjasama, perpaduan dan pemupukan budaya sayangkan institusi akan mampu memberikan impak yang positif kepada UniSZA. Sebagai warga UniSZA kita harus menzahirkan rasa sayang kepada UniSZA melalui kecemerlangan akademik, kecemerlangan sahsiah diri dan berusaha mengharumkan nama UniSZA dengan pelbagai kejayaan.

Sepanjang memegang jawatan TNC HEPA dan menerusi pengalaman serta pemerhatian YBhg. TNC, apakah bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh para pelajar UniSZA dan bagaimana pihak YBhg TNC mengurus cabaran dan membantu pelajar berhadapan dengan isu atau cabaran tersebut?

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi:

1. Pengukuhan jati diri para mahasiswa. Memandangkan semua mahasiswa hari ini lahir selepas merdeka, pengetahuan dan penghayatan tentang sejarah bangsa dan negara agak terhad. Oleh itu adalah menjadi fokus utama HEPA untuk membantu dan membawa para mahasiswa ke arah perspektif yang betul yang diimpikan setiap daripada kita iaitu menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri. Sudah tentunya para mahasiswa hari ini menjadi pemain-pemain utama pada masa itu.
2. Rata-rata hari ini kita terkesan dengan pelbagai media dan media sosial yang begitu agresif dalam menyampaikan pandangan dan ulasan mengenai sesuatu isu. Justeru terdapat kekeliruan antara persepsi dengan realiti. Cabarannya di sini adalah untuk mengasuh para mahasiswa supaya bersifat analitikal dalam menerima, berfikir dan bertindak balas terhadap sesuatu maklumat yang diterima. Sesungguhnya para mahasiswa perlu diajar, diasuh dan dibimbing dalam hal ini agar mereka dapat memainkan peranan mereka dengan berkesan sebagai golongan muda yang terpelajar dan akan mewarisi kepimpinan negara bangsa ini di pelbagai peringkat.
3. Melahirkan seorang insan yang holistik sifatnya iaitu yang mempunyai pencapaian yang tinggi dalam akademik dan kemahiran di samping mempunyai sikap, peribadi dan sahsiah diri yang baik supaya mereka ini akan menjadi seorang warganegara, pekerja, majikan atau pemimpin yang berjiwa besar dan berintegriti. Ini sesuai dengan hasrat negara untuk mewujudkan warga negara bertaraf dunia lebih-lebih lagi kita berada dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara strategi bagi menangani cabaran dan halangan ini:

1. Mengadakan lebih banyak bengkel atau perbincangan sama ada secara formal atau tidak formal berkaitan dengan sejarah, budaya, dan perjuangan negara bangsa dan ummah yang akan melibatkan seberapa ramai mahasiswa dengan para pensyarah, fasilitator dari dalam dan luar UniSZA. Selain itu juga, UniSZA akan mengadakan program-program bersama pemimpin negara dan masyarakat agar melalui program sebegini para mahasiswa dan pemimpin menjadi semakin dekat dan lebih mudah untuk memahami hasrat dan kehendak antara pihak-pihak yang berkenaan.
2. Dalam usaha merapatkan lagi HEPA dengan para mahasiswa di semua fakulti, pihak Pengurusan Universiti telah/akan melantik Timbalan Dekan HEPA di setiap fakulti. Ia berfungsi untuk menyelaraskan program dan aktiviti berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Diharapkan dengan wujudnya jawatan ini akan meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran keusahawanan, etika dan nilai profesional, pemikiran kreatif dan kritis serta penyelesaian masalah dalam kalangan mahasiswa fakulti masing-masing khususnya. Beliau juga diharapkan dapat membantu dan membimbing para mahasiswa dalam merangka dan melaksanakan program dan aktiviti mereka. Dengan ini setiap program dan aktiviti pelajar insya Allah mencapai matlamat yang dibentuk.
3. Sentiasa bersedia untuk menyertai pelbagai program atau aktiviti anjuran badan atau agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang difikirkan sesuai dan boleh membantu dalam meningkatkan kemahiran insaniah, pengetahuan, jati diri dan kebolehpasaran graduan.
4. Mempersiapkan semua pusat-pusat tanggungjawab di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) untuk bekerja keras melaksanakan tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai visi dan misi UniSZA dan kerajaan.

Seperti yang dimaklumi bahawa UniSZA semakin banyak menerima kemasukan pelajar antarabangsa. Bagaimana pelajar antarabangsa ini dapat menyumbang atau memberi sesuatu yang positif kepada UniSZA dan komuniti setempat?

Bilangan kemasukan pelajar antarabangsa yang semakin bertambah menunjukkan UniSZA semakin dikenali di peringkat antarabangsa dan ini juga merupakan ukuran penerimaan dan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap UniSZA. Ini adalah sumbangan yang paling penting secara intrinsik



kepada UniSZA. Sesungguhnya kehadiran mereka akan mempercepat pencapaian KPI UniSZA berkaitan dengan pengantarabangsaan dan bilangan pelajar pasca-siswazah.

Seterusnya kemasukan pelajar antarabangsa yang kebanyakan merupakan pelajar pasca-siswazah akan membawa pendedahan dan pengalaman mereka bersama-sama, sama ada yang ditimba semasa mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah mahupun pengalaman kerja mereka. Ini akan memberi banyak manfaat kepada UniSZA kalau kita dapat bersama-sama mereka berbincang tentang pengetahuan dan pengalaman mereka untuk dikongsi bersama dan diambil iktibar mana-mana yang baik.

Kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa diharapkan akan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan warga UniSZA dengan ini secara tidak langsung kemahiran dan kebolehan berkomunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan para pelajar akan meningkat dan diharapkan akan meningkatkan kebolehpasaran graduan UniSZA.

Kita amat mengharap para pelajar antarabangsa ini akan berjaya dalam pengajian mereka dan apabila bergraduat nanti mereka pada satu masa akan menjadi pegawai-pegawai yang penting dalam sektor awam mahupun swasta di negara masing-masing atau di peringkat global. Ini sudah tentu membawa impak yang besar kepada nama baik UniSZA. Juga diharap apabila mereka menjadi alumni UniSZA, ini akan menambahkan lagi ruang dan skop jaringan hubungan antara UniSZA dengan pelbagai organisasi global.

Dengan kehadiran para pelajar antarabangsa ini sudah tentu akan menyumbang kepada ekonomi setempat khususnya dan negeri dan negara amnya. Di samping peluang untuk komuniti mengenali serba sedikit adat resam dan sosio-budaya mereka.

Pihak pengurusan UniSZA sentiasa menggalakkan para pelajarnya untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan. Namun, kekangan jadual kuliah yang ketat dikatakan menyukarkan para pelajar untuk turut serta dalam aktiviti sebegini. Justeru, apakah pendekatan dan strategi yang perlu diambil bagi

memastikan para pelajar kekal aktif dalam aktiviti keusahawanan ini?

Seorang usahawan merupakan seseorang insan yang sentiasa positif dalam hidup dan sentiasa mencari, mencipta peluang dan menukar ancaman atau masalah kepada peluang. Inilah yang hendak diterap kepada para pelajar dalam konteks keusahawanan. Walau bagaimana pun untuk mengelak daripada bertembung dengan jadual kuliah usaha-usaha berikut diambil:

1. Adalah dimohon aktiviti berkaitan dengan keusahawanan diadakan hujung-hujung minggu, waktu-waktu petang atau waktu-waktu cuti semester.
2. Adakan perbincangan dengan kegiatan-kegiatan kokurikulum yang lain agar tidak bertembung dari segi tarikh dan masa.
3. Untuk membolehkan para mahasiswa secara berterusan mengamalkan usaha-usaha sebagai usahawan, UniSZA telah menubuhkan Pusat Usahawan Pelajar yang berfungsi untuk melatih pelajar membentuk syarikat perniagaan dan berniaga gerai-gerai seperti di Taman Usahawan Muda Pelajar UniSZA (TUMPU). Begitu juga para pelajar menyertai koperasi siswa (Kosiswa), dan koperasi ini di beri ruang-ruang niaga untuk menjalankan perniagaan mereka dikampus-kampus.
4. Adalah menjadi amalan HEPA menyediakan pelbagai kemudahan dan kesempatan untuk berniaga dalam kalangan para pelajar seperti mengadakan Pasar Ramadhan, membina gerai-gerai jualan semasa Pesta Konvokesyen dan sebagainya.
5. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelbagai bengkel, kursus dan seminar diadakan atau disertai oleh para mahasiswa. Para mahasiswa digalakkan mengadakan jaringan dengan usahawan-usahawan luar untuk melaksanakan program-program usahawan.
6. Seterusnya untuk menguji kemampuan dan kebolehan para mahasiswa yang terlibat dengan usahawan, mereka sentiasa digalakkan mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan oleh organisasi kerajaan mahupun swasta.

MPP merupakan antara elemen penting di sesebuah universiti. Bagaimana TNC melihat MPP boleh berperanan secara efektif sebagai penghubung antara para pelajar dan pengurusan universiti dan membantu untuk meningkatkan imej UniSZA?

Sesebuah universiti diamanahkan untuk melahirkan graduan yang bersifat holistik iaitu mempunyai



pencapaian akademik yang cemerlang dan kemahiran insaniah yang baik. Sehubungan itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. MPP ini merupakan persatuan induk mahasiswa di sesebuah universiti. Di samping itu universiti meluluskan penubuhan persatuan-persatuan dan kelab-kelab mahasiswa yang lain yang tidak bercanggah dengan dasar universiti dan negara.

Ini semua dilaksanakan untuk mengasuh dan mendidik para mahasiswa dalam hal ehwal kepimpinan, pengurusan, komunikasi, bekerja dalam pasukan, kemahiran berfikir, membuat keputusan dan sebagainya yang boleh menambah kemahiran dan pengalaman dari segi insaniah. Oleh itu kewujudan MPP seharusnya akan membantu dan menjadi pelengkap kepada pihak pengurusan khususnya HEPA dalam usaha mewujudkan para mahasiswa berketrampilan dan akhirnya akan melahirkan graduan-graduan bersifat holistik dan mempunyai jati diri yang baik yang boleh membantu diri sendiri, keluarga, negara, bangsa dan agama.

Selain itu kewujudan MPP dan lain-lain persatuan dan kelab akan menjadikan proses komunikasi dua hala bertambah baik. Ini bermakna pihak pelajar boleh menyalur permintaan, pandangan dan aduan-aduan berkaitan kebajikan mereka seperti asrama, kemudahan infrastruktur, kemudahan sukan dan riadah, kemudahan berkaitan aktiviti kerohanian, kebudayaan, khidmat masyarakat dan hubungan organisasi luar melalui MPP atau persatuan yang lain kepada pihak pengurusan. Begitu juga pihak pengurusan boleh menggunakan perkhidmatan MPP dan persatuan-persatuan yang lain dalam menyampaikan permintaan, pandangan dan mungkin arahan-arahan yang berkaitan dengan pelajar.

Ini bermakna MPP mempunyai peranan penting menjadi penghubung antara mahasiswa dengan pihak pengurusan universiti bagi menyuarkan idea serta berkongsi pandangan yang boleh membantu pihak pengurusan universiti dari segi menyelesaikan masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan mahasiswa

Memandangkan kewujudan MPP antaranya membantu dan menyokong pasukan pengurusan

universiti dalam mendidik dan mengasuh para mahasiswa agar menjadi warga negara yang baik dan membawa manfaat kepada keluarga, masyarakat, negara, bangsa dan agama maka MPP seharusnya bergerak serentak dan seirama dengan pihak pengurusan. Inilah yang diharapkan agar imej UniSZA di mata masyarakat tempatan dan global akan meningkat.

Barangkali boleh YBhg. TNC kongsi tentang fungsi dan perkembangan terkini Alumni UniSZA? Apakah perancangan YBhg. TNC bagi meningkatkan keberkesanan Alumni UniSZA sebagai sebuah entiti yang memberi kembali untuk mengangkat UniSZA ke peringkat yang lebih tinggi?

Persatuan Alumni UniSZA telah ditubuhkan secara rasmi melalui Mesyuarat Penubuhan yang telah diadakan pada 21 Jun 2013 di Kelab Tasik Putrajaya. Usaha penubuhan alumni ini bermula sejak tahun 2011 melalui sekumpulan alumni UniSZA yang kebanyakannya terdiri daripada 'batch' antara tahun 1984 hingga 1991. Penubuhan alumni ini mengambil masa yang agak panjang kerana perubahan besar berlaku ke atas perubahan nama dan status UniSZA yang sebelum ini ditubuhkan atas nama Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Universiti Darul Iman (UDM). Alhamdulillah, berkat komitmen Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim serta pengurusan tertinggi UniSZA yang telah mengiktiraf graduan KUSZA dan UDM sebagai alumni UniSZA, maka usaha penubuhan Persatuan Alumni UniSZA telah dapat disegerakan.

UniSZA melihat Alumni sebagai suatu organisasi yang amat penting dalam sama-sama membantu meningkatkan martabat UniSZA dan mempercepatkan UniSZA mencapai matlamatnya untuk menjadi antara universiti ternama di Malaysia mahupun global. Pada masa ini pelbagai pengiktirafan yang diberikan kepada Alumni, antaranya Presiden Alumni dilantik menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti, dan seterusnya Alumni telah juga dijemput menyumbangkan idea dan cadangan pembangunan kampus misalnya cadang projek 'UniSZA Entrepreneur Park' yang mengandungi bilik penginapan pelajar, hotel dan premis-premis perniagaan lain yang akan dibangunkan melalui sistem waqaf.

Pada masa hadapan adalah diharapkan wujudnya kerjasama yang lebih erat antara Alumni dengan Pihak Pengurusan agar sinergi dan usaha-usaha membangunkan dan memperkasa kewujudan UniSZA sebagai sebuah universiti yang berwibawa dapat dijalankan secara berterusan. Pihak Pengurusan sentiasa membuat ruang dan peluang kepada alumni untuk bersama-sama merancang dan mungkin melaksanakan bersama program-program yang dirasa memberi manfaat bersama.



***Acinetobacter baumannii*: A Cautionary Tale of the Misuse and Abuse of Antibiotics**

Yeo Chew Chieng, PhD
Faculty of Medicine and Health Sciences

In a span of just around 10 years, *Acinetobacter baumannii* has rapidly emerged as one of the most troublesome human pathogens for health care institutions globally, being able to adapt remarkably well in the modern hospital environment¹. *A. baumannii* is a Gram-negative non-fermentative coccobacillus belonging to the family Moraxellaceae. Within the genus *Acinetobacter*, there are 32 taxonomically distinct species, most of which are environmental bacteria not associated with human disease². However, *A. baumannii* has gained notoriety by its remarkable ability to acquire resistance to multiple antibiotics. *A. baumannii* strains that are resistant to all known antibiotics (designated pan-drug resistant strains) have now been reported^{1,3}, making it extremely difficult to clinically manage infections caused by these bacteria. The organism frequently targets the most vulnerable hospitalized patients and is an important cause of hospital-acquired or nosocomial infections⁴, having been implicated in a wide variety of infections particularly ventilator-associated pneumonia, wound and catheter-associated bloodstream infections as well as urinary tract infections, endocarditis and meningitis^{1,4}. *A. baumannii* pneumonia and bacteremia are often associated with high mortality. Outbreaks of *A. baumannii* in hospital intensive care units (ICUs)

have been very difficult to control as the organism is extremely resistant to disinfectants and drying, ensuring the long-term persistence of epidemic strains in hospitals and ease of transmission between patients and health-care workers³.

There has been very little published data on *A. baumannii* strains from Malaysia. However, the few papers that have been published all point towards the same, stark pattern observed elsewhere: an ever increasing incidence of multidrug resistant *A. baumannii* infections in hospitals^{5,6}. Carbapenems used to be the drug of choice for the treatment of *A. baumannii* infections but resistance rates of more than 90% towards this class of antibiotics have been reported in *A. baumannii* strains isolated from Universiti Malaya Medical Center⁵. This has necessitated the use of new antibiotic treatment strategies including the use of tigecycline, the first of a new class of antibiotics termed glycylcyclines as well as the reintroduction of colistin, an old polymyxin-class antibiotic that was clinically used 50 years ago. Unfortunately, strains with resistance to tigecycline and colistin have recently been reported^{4,6}, demonstrating the remarkable ability of *A. baumannii* to acquire resistance rapidly.

Our research group in UniSZA, comprising lecturers from the Faculties of Medical and Health

Sciences as well as Agriculture, Biotechnology and Food Sciences, in collaboration with researchers from Universiti Malaya, characterized *A. baumannii* strains that were isolated from Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), the main hospital in Kuala Terengganu, throughout 2011 and 2012. We found that the prevalence of multidrug resistance among the *A. baumannii* strains was high (at 39 out of 54 strains, or 72.2%) and all the multidrug resistant strains were also resistant to carbapenems. Of concern, 14 of the strains investigated were also resistant to polymyxin, the drug of 'last resort' for *A. baumannii* infections (manuscript submitted for publication). The rapid spread and acquisition of antibiotic resistance in *A. baumannii* underlines the urgent need for the prudent use of antibiotics especially in hospitals. The years of misuse and abuse of broad-spectrum antibiotics have greatly contributed to the success and spread of *A. baumannii* as a pathogen^{3,6}.

To further understand the remarkable adaptability of this pathogen, whole genome sequencing was performed on two of the polymyxin-resistant isolates from HSNZ⁷. One of the distinguishing features of the *A. baumannii* genome is the clustering of antibiotic resistance genes in genetic structures known as resistance islands which have the potential to be transferred from one strain to another. The first of these resistance islands, designated AbaR1, was discovered from analyses of the whole genome sequence of *A. baumannii* multidrug-resistant strain AYE⁸. At 86 kilobases in length, AbaR1 is one of the largest resistance islands described and contained a cluster of up to 45 genes that confer resistance to various antimicrobials besides genes and genetic elements such as transposons and insertion sequences that enabled the mobility of this DNA region. Since the discovery of AbaR1, various other resistance islands have been described from *A. baumannii* strains all over the world, indicating that this is one of the major vehicles for the rapid transmission of antimicrobial resistance in this organism. Different variants of known resistance islands were found in the genome sequences of the two polymyxin-resistant HSNZ *A. baumannii* strains. Both strains contained 2 – 3 resistance islands which enabled them to be resistant to a host of antibiotics.

Significant advances have been made in our understanding of *A. baumannii* in recent years but there are still many areas in which our knowledge of the organism is comparatively lacking. Our reliance on antibiotics had played a fundamental role in the global emergence and dissemination of *A. baumannii*³. The lack of new active antimicrobials has prompted the development of novel strategies for managing *A.*

baumannii infections such as phage therapy (using viruses that infect and lyse *A. baumannii* cells), the use of iron chelators and iron competitors such as gallium (since iron is an essential cofactor for *A. baumannii* and is in very limited amounts in the host it infects), and the use of antimicrobial peptides⁴. However, there are still unanswered questions and limitations that need to be addressed before these potential new therapies can be applied in clinical practice⁴. *A. baumannii* is indeed a remarkable organism that, within a short span of time, is seen as having as large an impact on health care as extensive drug-resistant *Mycobacterium tuberculosis* and drug-resistant Human Immunodeficiency Virus (HIV)³. Is our health care system ready and able to cope with infections caused by this amazingly adaptable bacterium?

References

1. Peleg, A. Y., Seifert, H. & Paterson, D. L. *Acinetobacter baumannii*: emergence of a successful pathogen. *Clin. Microbiol. Rev.* **21**, 538–82 (2008).
2. Gordon, N. C. & Wareham, D. W. Multidrug-resistant *Acinetobacter baumannii*: mechanisms of virulence and resistance. *Int. J. Antimicrob. Agents* **35**, 219–26 (2010).
3. Perez, F., Ponce-Terashima, R., Adams, M. D. & Bonomo, R. a. Are we closing in on an "elusive enemy"? The current status of our battle with *Acinetobacter baumannii*. *Virulence* **2**, 86–90 (2011).
4. García-Quintanilla, M., Pulido, M. R., López-Rojas, R., Pachón, J. & McConnell, M. J. Emerging therapies for multidrug resistant *Acinetobacter baumannii*. *Trends Microbiol.* **21**, 157–63 (2013).
5. Kong, B. H., Hanifah, Y. A., Yusof, M. Y. M. & Thong, K. L. Antimicrobial susceptibility profiling and genomic diversity of multidrug-resistant *Acinetobacter baumannii* isolates from a teaching hospital in Malaysia. *Jpn. J. Infect. Dis.* **64**, 337–40 (2011).
6. Dhabaan, G. N., AbuBakar, S., Shorman, M. a & Hassan, H. In vitro activity of tigecycline against *Acinetobacter baumannii* isolates from a teaching hospital in Malaysia. *J. Chemother.* **24**, 87–92 (2012).
7. Gan, H. M., Lean, S.-S., Suhaili, Z., Thong, K.-L. & Yeo, C. C. Genome sequence of *Acinetobacter baumannii* AC12, a polymyxin-resistant strain isolated from Terengganu, Malaysia. *J. Bacteriol.* **194**, 5979–80 (2012).
8. Fournier, P.-E. *et al.* Comparative genomics of multidrug resistance in *Acinetobacter baumannii*. *PLoS Genet.* **2**, e7 (2006).

M. Nasir, Anak Malaysia dan Nasionalisme

Oleh: Mohamad Hafis Amat Simin
Pensyarah
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Apabila pertama kali mendengar bait-bait lagu *Anak-anak Kita* nukilan M.Nasir, jelas ia membuka ruang pandang sebagai ahli akademik untuk melihat muzik sebagai satu medium yang sangat efektif, sebagai alat sosialisasi dan juga konstruksi sosial (*social constructionism*) dalam masyarakat. Pembinaan budaya itu berlaku secara halus dan berseni. Bait-bait lagu ini mengajak kita untuk merenung kembali apa yang telah kita buat dan sediakan untuk anak-anak bangsa.

Dalam mengejar kegemilangan diri dan dunia, kita sering lupa bahawa kita telah menghancurkan harapan anak bangsa kita. Kita sering mengakui bahawa kita menjaga warisan anak bangsa namun hakikatnya kita adalah pengamal tegar falsafah *Machiavelli*, kita menjadi sangat kejam demi meraih keuntungan dan kepentingan diri. Namun, apabila M. Nasir membuat nukilan ini, beliau telah mengajak kita untuk berfikir tentang peri penting melahirkan anak bangsa yang baik. Tulisan ini akan cuba memahami dan menerangkan apa mesej penting untuk anak bangsa kita.

*Anak-anak kitakah yang berlari telanjang
Di bawah mentari sumbing
Sambil bernyanyi lagu
Ketakutan hari-hari ini*

Bait-bait ini cuba menjelaskan apa yang sedang berlaku terhadap anak bangsa Malaysia yang sedang mencari identiti sebagai rakyat Malaysia. Anak bangsa kita terpesona dengan limpahan hiburan luar negara yang tidak mencerminkan budaya ketimuran. Kerasukan ideologi liberal Barat yang menular dalam fikiran mereka tidak mampu merungkai kembali persoalan nasionalisme bangsa. Anak bangsa tidak mampu mempertahankan jati diri mereka, mudah terpengaruh dengan budaya lesbian, gay, biseksual dan transeksual yang sedang menular di Malaysia. Natijahnya, ini amat menakutkan kita kerana mereka adalah pewaris bangsa Malaysia.

*Anak-anak kitakah yang memikul beban
Kesilapan kita
Hingga dia tak kenal budaya
Canggung bangsa sendiri*



Lantaran kesilapan dan kerakusan kita dalam mengejar kemajuan pembangunan telah menyebabkan anak bangsa kita terbeban dengan kesan negatif kemajuan tersebut. Kita terlalu taksub dengan budaya neokolonialisme Barat hinggan kita telah menghakis budaya ketimuran sendiri. Kehakisan budaya ini telah menyebabkan anak bangsa sudah hilang hormat dengan orang tua, mengasari wanita dan juga membunuh. Anak bangsa kita sudah hilang identiti diri dalam aspek pakaian, budi bahasa, sikap sebagai orang Malaysia. Mereka lebih suka mengamalkan budaya hidup Barat meliputi aspek kepercayaan agama hingga kepada urusan diri. Anak bangsa kita sudah gagal memahami budaya bangsa Malaysia ekoran terbeban dengan kesalahan kita yang terlalu berpaksikan Barat sebagai model kemajuan.

*Selamatkan anak kita
Dari padang jerangkap samar
Selamatkan anak kita
Orde baru politikus usang*

*Anak-anak kitakah yang bermain
Di hutan belukar
Dengan senapang kayu ubi cambah
Tak kenal bahaya*

Realiti kehidupan sebagai manusia mempunyai cabaran dan juga rintangan. Ini adalah untuk memantapkan diri kita bagi melahirkan insan yang berguna. Dengan apa yang kita sediakan untuk anak bangsa, adakah itu sudah memadai untuk menjadikan mereka seorang warga yang bertanggungjawab? Kita perlu renungi kembali apa yang kita telah buat hari ini,

adakah ia sudah selamat untuk anak bangsa? Adakah polisi dan dasar yang dibuat oleh sang politikus mampu membela dan mempertahankan nasib anak bangsa? Kita wajib menyemak kembali agar pelan tindakan yang dibuat sekarang tidak akan merugikan anak bangsa kita.

*Anak-anak kitakah yang tak tahu nak pulang
Bila petang
kerana terlalu sibuk main lastik
Dan berpistol
Pistol-pistol

Jaga-jaga anak kita
Jangan sampai jadi hamba
Jaga-jaga anak kita
Kita ini orang merdeka*

Kegagalan kita merancang pembangunan yang mapan mengakibatkan kos hidup akan meningkat. Penguasaan modal asing sangat tidak terkawal dengan amalan liberalisasi oleh pihak kerajaan mana mungkin dapat mengekang penguasaan para kapitalis terhadap pasaran. Impak ini menyebabkan para rakyat marhaen akan turut sama menjadi mangsa kerakusan sang kapitalis. Anak bangsa akan terbiar merata di pusat hiburan dan membeli belah menghabiskan masa bersama rakan-rakan. Nilai kebersamaan keluarga sudah runtuh dek kehimpitan memenuhi keperluan material diri. Keruntuhan nilai sosial keluarga menyebabkan anak bangsa hilang fokus mengenai kehidupan madani hingga terpengaruh dengan hasutan syaitan ke arah kehancuran. Apabila anak bangsa sudah hilang nilai diri, maka rosaklah negara. Lantaran itu, kita kena menjaga anak bangsa supaya tidak menjadi hamba kemodenan Barat yang membuta tuli, mangsa kerakusan sang penjenayah, terpalit dengan ideologi songsang yang terus-terusan merosakkan pemikiran anak bangsa. Jagalah anak bangsa dan lindungi mereka supaya tidak menjadi hamba di tanah sendiri.

*Panggillah mereka pulang
Ayah nak ajar
Tentang kurang ajar
Jadi mereka takkan sendiri lagi*

*Panggillah mereka pulang
Ayah nak ajar
Tentang kurang ajar
Jadi mereka takkan dimomok lagi*

Panggillah dan ajarilah anak bangsa dengan nilai ketamadunan timur yang menjadi lambang kegemilangan sewaktu masa dahulu. Kita perlu ajar anak bangsa dengan nilai demokrasi yang luhur, ideologi yang baik dan tidak menyesatkan. Didiklah anak bangsa dengan ajaran dan nilai agama yang

tinggi supaya mereka beradab. Fahamkan mereka dengan sejarah perjuangan bangsa supaya terterap nilai nasionalisme, ajarilah mereka bagaimana menjadi anak bangsa yang patriotik demi kelangsungan keamanan tanah tumpahnya darah. Persiapkan anak bangsa kita dengan ilmu oriental dan juga oksidental supaya mereka tidak lagi dimomok dengan stigma bangsa yang mundur.

*Fikir
Selamatkah kita di tangan tukang karut itu
Fikir
Selamatkah kita di tangan dalang wayang itu
Fikir
Selamatkah kita di tangan ahli korporat itu
Fikir
Selamatkah kita di tangan doktor jiwa itu
Fikir
Selamatkah kita di tangan pakar kitab itu
Fikir
Selamatkah kita di tangan tuhan-tuhan itu*

Anak bangsa yang memiliki semangat nasionalisme yang tinggi tidak akan terlahir sekiranya para pemimpin kita korup. Sebagai pengundi, kita berhak memilih wakil dalam pilihan raya. Maka, pilih tukang karut yang berintegriti dan amanah. Jangan pilih wakil yang akhirnya menjadi diktator proletariat menindas rakyat marhaen demi memenuhi poket masing-masing. Para pelaksana dasar hendaklah amanah dengan tugas mereka supaya tidak berlaku ketempangan hingga menyebabkan jatuhnya kerajaan. Lahirkanlah ahli korporat yang amanah dan juga berkredibiliti dalam menjalankan perniagaan, bukan hanya tahu mengaut keuntungan dengan menidakkan kebajikan pekerja. Para ahli perubatan juga perlu jujur dan ada nilai agama yang tinggi dalam profesion mereka supaya tidak menggalakkan amalan pengguguran kandungan dan perdagangan organ manusia yang haram. Akhir sekali adalah menjadi kewajipan kita melahirkan anak bangsa yang lengkap dengan didikan agama supaya mereka menjadi insan yang berguna. Ahli agama perlu berperanan besar dalam hal ini, jangan mereka menjadi *pseudo islamis* yang hanya gah bercakap hal agama tetapi tidak berani menegakkan kebenaran.

Terima kasih kepada M.Nasir kerana telah membuka minda rakyat marhaen untuk berfikir lebih jauh memikirkan permasalahan anak bangsa daripada ia terus dihancurkan oleh tangan politikus palsu, ahli korporat yang korup dan juga ahli *pseudo islamis*. Perubahan jalur pandang ini mampu menganjak pemikiran kita supaya kembali kepada fitrah kejadian manusia yang memerlukan agama sebagai panduan lengkap kehidupan. Kecintaan kepada tanah tumpahnya darah akan terlahir apabila pembinaan bangsa kembali kepada landasan yang betul. Terima kasih M. Nasir.

Rekaan Produk Tempatan di Persada Antarabangsa

Oleh: Shahrul Anuwar Mohamed Yusof
Pensyarah
Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan



Reka bentuk perindustrian merupakan bidang yang semakin meningkat naik di Malaysia selaras dengan matlamat untuk menjadikan negara sebuah negara yang membudayakan kreativiti dan inovasi. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan antara universiti di Malaysia yang turut menawarkan program reka bentuk perindustrian bagi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan (FRIT).

Reka bentuk industri ialah proses menganalisis, mereka bentuk dan membuat produk yang mengikut cita rasa pengguna dari segi fungsi dan rupa bentuk luaran agar ia mudah diterima pengguna sebelum dikomersilkan untuk pasaran umum.

Reka bentuk perabot merupakan salah satu cabang dalam reka bentuk perindustrian. Mereka bentuk perabot merupakan bidang yang mampu memberi peluang perkongsian pengalaman dan kemahiran dalam dunia reka bentuk yang menarik. Atas dasar ingin mencuba dan mengembangkan kemahiran, pelajar dan pensyarah bidang reka bentuk sentiasa mencari inisiatif untuk berkongsi pengalaman dan mencabar diri sendiri melalui pertandingan dan pameran di dalam dan luar negara. Usaha tersebut membuahkan hasil melalui beberapa pengiktirafan yang diterima oleh pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan, UniSZA.

Pada tahun 2010, penulis sebagai pensyarah reka bentuk industri FRTK telah berjaya memenangi tempat pertama pertandingan *Rado Young Design Prize Award* yang buat julung-julung kalinya diadakan di negara ini. Penulis telah terpilih daripada kalangan lebih 700 penyertaan dari seluruh negara dan memenangi pertandingan tersebut melalui reka bentuk kerusi yang dinamakan *Fernature Chaise Lounge*.



Reka bentuk kerusi santai tersebut dihasilkan melalui proses reka bentuk yang mendalam. Ia mengambil masa lebih kurang enam bulan untuk dihasilkan. Proses mereka bentuk kerusi tersebut bermula daripada kajian dan pemerhatian terhadap persekitaran. Melalui kajian yang dijalankan, pilihan dibuat untuk mereka bentuk kerusi santai untuk ruang tamu atau lobi. Setelah segmen perabot dan pengguna dikenalpasti, proses pengembangan idea dan rupa luaran dimulakan dengan teliti. Pemilihan yang mengambil inspirasi daripada alam sekitar untuk mencari bentuk dan ilham terbaik diterjemahkan dalam lakaran. Perkataan *Fernature* yang dipilih merupakan gabungan maksud perabot dan alam sekitar.

Elemen dan motif semula jadi telah diambil dan diserap ke dalam lakaran awal idea. Proses pengembangan idea ini berterusan melalui lakaran dua dimensi dengan medium manual dan digital. Setelah lakaran idea yang sesuai dikenal pasti, ia kemudian ditapis untuk melalui proses saringan akhir. Proses



pembuatan *mock-up model* juga penting untuk melihat sendiri idea tersebut dalam tiga dimensi. Malah, proses membuat *mock-up ujian* skala sebenar dijalankan untuk mengambil data *ergonomic* yang amat penting bagi memastikan keselesaan pengguna terjamin.

Lakaran idea yang akhir kemudiannya diterjemahkan dalam lukisan berbantuan komputer atau tiga dimensi menggunakan *software* atau perisian tertentu. Melalui lukisan tiga dimensi, data teknikal diperolehi bagi meneruskan proses pembuatan model. Proses seterusnya ialah pembuatan model yang memerlukan masa dan tenaga yang konsisten. Kemudahan bengkel yang baik amat diperlukan bagi melancarkan proses pembuatan model. Pembuatan model bagi reka bentuk kerusi ini mengambil masa selama lebih kurang sebulan. Ia menggunakan besi sebagai kerangka utama di samping kemasan sofa dengan bentuk yang unik.

Konsep yang ingin diterapkan dalam reka bentuk ini ialah sudut estetik atau kesenian dari pelbagai penjuru. Oleh itu, struktur bawah kerusi tersebut juga direka dengan penuh teliti bagi memberikan keunikan dan kekuatan pada kaki kerusi. Ia amat unik dan menarik dari sudut tepi, atas dan bawah. Elemen subjek utama iaitu paku pakis yang dipilih diterjemah melalui bentuk tempat duduknya yang terdiri daripada bahagian yang boleh diasingkan untuk memudahkan proses pembungkusan.

Melalui reka bentuk kerusi ini, ia telah mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Model *Furniture Chaise Lounge* ini telah dipamerkan

di Pameran Radostar, KLCC pada 2010, *Milan International Furniture Fair 2011* dan juga *Paris Design Week 2012*. Semasa pameran antarabangsa di Milan yang dibawa oleh MATRADE, kerusi ini juga telah berjaya meraih perhatian ramai dan mendapat tempahan secara pukal. Ini membuktikan reka bentuk perabot tempatan juga mampu menarik minat antarabangsa.

Rentetan daripada kejayaan itu, usaha yang berterusan telah dijalankan bagi mendedahkan rekaan pereka tempatan ke luar negara. Pada tahun 2012, penulis bersama Addyputra Md Zulkifli, seorang lagi pensyarah reka bentuk perindustrian daripada FRTK merupakan antara lima pereka muda yang dipilih mewakili Malaysia ke *SALONI 2013: Milan International Furniture Fair* pada 9 hingga 14 April 2013 yang diadakan di Fiera Milano, Itali. Kami berdua merupakan antara lima pereka muda Malaysia yang dipilih untuk mempersembahkan rekaan produk masing-masing di sana.

Penulis mempertaruhkan dua rekaan yang merupakan kerusi kanak-kanak dinamakan 'Doodle Stool' dan juga sebuah kerusi batik, 'Knottiks', manakala Addyputra dengan rekaan almari 'Petok', 'Suteressu' dan lampu 'Honey Jar'. Kesemua rekaan ini melalui proses yang hampir sama iaitu melalui kajian, perkembangan idea dan pembuatan model.

Program ini dianjurkan dan ditaja oleh *Malaysian Timber Board Industry (MTIB)* dan diuruskan oleh Arcradius Consultant. Pemilihan mereka telah dibuat setelah melalui proses saringan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Mereka berpeluang untuk mempamerkan produk mereka di ruang 'Satellite' iaitu ruang pameran untuk pereka muda dari seluruh dunia. Setiap pereka menghasilkan prototaip masing-masing dengan kerjasama industri perabot tempatan dari MTIB.

Ruang pameran 'Satellite' merupakan bahagian yang paling mendapat tumpuan pembuat perabot seluruh dunia untuk melihat dan menilai rekaan dari pereka muda. Kumpulan lima pereka tempatan ini juga di bawah jenama TANGGAM yang unik dan berjaya menarik perhatian ramai dengan hasil produk mereka. *Milan International Furniture Fair* merupakan pameran perabot terbesar yang mengumpulkan pereka terkenal dan terbaik dari seluruh dunia. Terdapat lebih 2,500 syarikat perabot antarabangsa dan hampir 324,000 pengunjung mengunjungi pameran tersebut. Usaha yang dilakukan oleh MTIB ini merupakan batu loncatan dalam memartabatkan industri reka bentuk Malaysia dan platform terbaik untuk memasarkan produk kreatif negara.

Sebagai sebuah universiti yang sedang mengorak langkah ke peringkat global, budaya reka cipta dan inovasi perlu disebarkan dalam kampus UniSZA. Penggembelengan usaha dan kreativiti melibatkan setiap fakulti di UniSZA akan mampu menghasilkan pelbagai lagi produk inovasi yang mampu dipertandingkan pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Tips Membeli Kamera

Oleh: Kaswadi Yusoff
Pusat Komunikasi Korporat dan
Antarabangsa

Fotografi adalah perkataan yang sudah tidak asing lagi bagi kita pada masa ini. Hampir di setiap ruang orang akan berbicara tentang fotografi, dari pelbagai sudut sama ada foto perkahwinan, foto landskap mahu pun fotografi korporat atau komersil. Kini fotografi semakin luas dipraktikkan di setiap lapisan masyarakat bermula daripada kanak-kanak sekolah sehingga kepada mereka yang berjawatan tinggi.

Fotografi kini bukan hanya dijadikan sebagai hobi malah ada sesetengah daripada peminat fotografi menjadikannya sebagai sumber pendapatan dengan hasil yang agak lumayan. Pembelajaran fotografi kini lebih mudah dengan adanya informasi yang boleh ditemui di dalam buku, majalah, internet atau dengan menyertai bengkel dan sesi *outing* bersama pakar atau peminat seni ini.

Bagi peminat seni cahaya (fotografi), kamera tidak akan berenggang dengan mereka kerana untuk mendapatkan *moment* yang bagus bukannya sesuatu yang mudah. Ia memerlukan kesabaran yang cukup tinggi.

Bagi mereka yang baru (*beginner*) dan belum lagi membeli kamera, berikut merupakan panduan atau tips untuk membeli kamera:

1. Ukur ketebalan poket
Tengok bajet, untuk *beginner* cukup dengan membeli kamera *entry level* harga lebih kurang RM2,000-RM2,500.
2. Jenis kamera
"Beli *Nikon* atau *Canon* sebab yang lain tidak bagus." Ini adalah ayat yang biasa keluar dari mulut pengguna kamera. Jangan letakkan ayat ini dalam kepala kalau mahu membeli kamera. Jenis kamera tidak penting tapi pilih kamera yang serasi dengan tangan kita yang akan memegang kamera tersebut. Pegang dulu kamera yang ada di pasaran sama ada *Nikon*, *Canon*, *Sony* dan sebagainya, sekiranya sesuai barulah tengok kepada fungsi kamera tersebut.
3. Apa yang hendak dirakam
Kamera yang dipilih kadang-kadang bergantung juga kepada apa yang kita hendak rakamkan, sebagai contoh jika kita ingin merakamkan foto aksi seperti sukan, lebih sesuai untuk kita membeli kamera yang dapat merakam *5 frame per second*



(*fps*) dan ke atas. Ini berbeza sekiranya kita lebih cenderung kepada gambar-gambar perkahwinan atau landskap yang tidak memerlukan kamera yang mempunyai *fps* yang tinggi. Begitu juga jika kita ingin merakam gambar potret.

4. Lensa
Selain daripada jenis kamera, lensa (*lens*) juga memainkan peranan penting. Kebiasaannya lensa akan disertakan bersama kamera dan setiap jenis kamera berbeza jenis lensa. Contohnya *Nikon D90* disertakan dengan lensa 18-105mm. Bagi mereka yang ingin menggunakan kamera sekadar untuk suka-suka, lensa 18-55mm sudah cukup untuk merakam aktiviti *indoor* dan *outdoor*, manakala mereka yang suka mengembara lensa 18-200mm sesuai untuk mereka. Begitu juga jika untuk merakam gambar perkahwinan (ini untuk *beginner*, jika telah mahir, mereka akan menggunakan 70-200mm).

Yang terakhir, cuba perhatikan kawan-kawan yang sudah menggunakan kamera, mereka menggunakan kamera jenis apa? Jika ramai yang menggunakan *Canon* maka beli *Canon*, kalau *Nikon* beli *Nikon* dan kalau *Sony* maka beli *Sony* supaya mudah untuk kita belajar dan untuk pinjam aksesori.



Sekitar Istiadat Konvokesyen Ke-5







Cakna Consultant Lonjak Nama UniSZA

Cakna Consultant yang mewakili Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul sebagai naib johan pada *SME University Internship 2013 Championship* yang berlangsung di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 9 Oktober 2013.

Kumpulan yang diwakili oleh enam pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan & Perakaunan (FPPP) terdiri daripada Saudara Mohamad Hafiez Samsudin, Saudara Azri Rahim, Saudara Muhammad Rusydi Ishak, Saudari Lee Sju Yong, Saudari Siti Jamilah Mat Deris dan Saudari Jamilah Abd Hamid membawa pulang sebuah trofi, wang tunai RM8,000 daripada SME Corp., pembiayaan perniagaan berjumlah RM50,000 setiap seorang, dan latihan perantisan selama enam bulan atau setahun dan latihan pengurusan selama setahun atau dua tahun kepada setiap pelajar tajaan Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Mereka juga mendapat pakej program bimbingan perniagaan bernilai RM6,000 tajaan CEDAR.

Cakna Consultant ditubuhkan sempena program *SME-Universiti Internship 2013*. Nama ini dipilih kerana bersesuaian dengan tugas seorang konsultan yang sentiasa peka dan mengambil berat akan masalah serta kehendak pemilik syarikat. *Cakna Consultant* diberi tugas untuk membantu syarikat FB Frozen Enterprise sepanjang program ini berlangsung. FB Frozen Enterprise merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti memproses, mengedar, dan menjual barangan sejuk beku, cili boh, kuah rojak, rempah ikan bakar, serta mee kuning. Berpengalaman selama lapan tahun, tetapi enam tahun kebelakangan ini produk mee kuning semakin mendapat tempat di hati pengguna sekitar Kuala Terengganu.

Matlamat utama program ini adalah untuk membantu meningkatkan keupayaan perniagaan dan kapasiti pengeluaran syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta memberi pendedahan kepada pihak PKS berkenaan amalan/teori/teknologi/aplikasi terkini yang digunakan oleh industri masa kini.

Secara kesimpulannya, menerusi program ini mampu menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti dan menjadikan universiti awam, sebagai pusat rujukan industri.





Hasil Karyawan UniSZA Diiktiraf

Royalti merupakan sejumlah wang tertentu yang dibayar oleh penerbit kepada penulis karya yang diterbitkannya. Penerbit UniSZA telah menetapkan bahawa setiap terbitan UniSZA sama ada karya asli, karya suntingan dan lain-lain akan dibayar mengikut peratusan dan kiraan tertentu. Sehubungan dengan itu, Penerbit UniSZA telah mengadakan Majlis Penyampaian Royalti dan Anugerah Buku UniSZA 2013 pada 31 Oktober 2013 bertempat di TH Hotel & Convention Centre Terengganu, Gong Badak.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk menyelesaikan bayaran royalti tertunggak kepada para penulis bermula dari tahun 2006 hingga 2012. Penganjuran program ini juga dilihat dapat memberi galakan kepada para penulis untuk menghasilkan lebih banyak karya untuk diterbitkan dengan Penerbit UniSZA. Selain itu, program ini diharapkan dapat memberi perangsang kepada warga akademik UniSZA yang lain untuk turut menghasilkan karya ilmiah masing-masing.

Majlis Penyampaian Royalti dan Anugerah Buku UniSZA 2013 ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin. Dalam ucapannya, Naib Canselor menyatakan bahawa buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA akan diberi pemberat yang lebih berbanding dengan buku terbitan penerbit lain untuk tujuan kenaikan pangkat. Selain itu, setiap dekan fakulti diminta untuk memastikan supaya fakulti masing-masing berupaya menerbitkan sebuah buku untuk setiap semester.

Sebanyak sebelas buah judul buku layak menerima royalti pada majlis kali ini. Penerima Anugerah Royalti



Tertinggi adalah buku *'al-Mu'in fi Ta'allum al-Lughah al-'Arabiyyah'* yang ditulis oleh Norasyikin Osman dan Khoirun Nisak Mat Saad, diikuti dengan buku *'al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asarah'* karya Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim dan seterusnya buku *'al-Taysir fi Ta'allum al-Lughah al-'Arabiyyah'* yang ditulis oleh Shaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Mohd Firdaus Yahaya dan Mohd Hazli Yah @ Alias. Baki lapan buah judul buku yang turut menerima royalti adalah *Wacana Percanggahan Hadith, Akidah & Isu Sosial Masyarakat Islam, Orang Asli Negeri Terengganu: Warisan dan Pembangunan, Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah, Dinamika Pendidikan Bahasa Arab, Birds of UniSZA, Buku Kerja Keusahawanan : Jom Buat Bisnes dan Ajaran Sesat di Negeri Terengganu.*

Sambutan yang diterima untuk program ini amat baik dan reaksi yang diberikan oleh para peserta juga amat positif. Berdasarkan pada tinjauan yang dilakukan, rata-rata peserta dan individu yang terlibat memberikan maklum balas yang positif dan berharap agar program sebegini diteruskan pada masa akan datang.



National Convention on Team Excellence 2013: Gold for Gold!

Under the Malaysia Productivity Corporation (MPC), National Convention on Team Excellence 2013 was successfully held from 1st to the 3rd of October 2013 at Bukit Gambang Resort City, Kuantan. The event aimed to highlight the accomplishments of Innovative and Creative Circles who had delivered greater value to their respective organizations through creativity, innovativeness and commitment. In line with the government's call, every organization must adopt new work processes, new technologies, and transform the organizational culture to tap every employee's capabilities for advanced innovation and productivity.

With the active support and participation from the private as well as public sectors, 178 participants were grouped under four categories i.e. electronic and electric, manufacturing, service and public service. The selection of participants was based on the respective team's previous success in obtaining a gold medal in regional conventions – Northern, Southern, Middle, East Coast, Sabah as well as Sarawak. For the first time, UniQ from UniSZA has been invited to participate in the convention after previously receiving a gold medal at the regional level. And again, UniQ won a 3-star gold medal. The team focused on the increasing complaints of lateness for receiving office supplies and issued STOR SENTRAL as an innovative solution. This was UniSZA's first time participating at the national level.

UniQ has definitely learned invaluable lessons such as openness to adopt new changes for organizational good as well as willingness to take on challenges. By involving such convention, UniQ was exposed to opportunities in learning best practices as well as benchmarking from the other participants' projects besides strengthening networking and partnership in exchanging ideas. Apart from the presentation, UniQ with other 29 groups also participated in a storyboard competition.

It is hoped that the National Convention on Team Excellence 2013 would be a starting point for UniSZA staff to boost creativity and an innovative spirit in the workplace.



ERT UniSZA

Lulus Kawad Kebombaan



Pasukan *Emergency Response Team* (ERT) Jabatan Keselamatan UniSZA berjaya melepasi *Ujian Kawad Kebombaan* seperti ujian bertulis, ujian mengenal peralatan, kawad alat pemadam api, kawad kering dan kawad basah selama 36 jam bagi memenuhi syarat sebagai anggota pasukan ERT. Kursus ini bermula pada 8 Oktober 2013 bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu, yang memerlukan setiap anggota ERT UniSZA mengikuti ujian dan kawad yang ditetapkan. Latihan insentif ini diadakan pada waktu pagi, petang dan malam bagi memantapkan ketahanan fizikal, teknikal dan taktikal bagi persediaan anggota ERT. Anggota didedahkan untuk meningkatkan pengetahuan dalam menangani bencana kecemasan di dalam kampus.

Seramai 40 orang pengawal keselamatan berjaya dalam ujian tersebut. Pencapaian ini amat membanggakan kerana Pasukan ERT baharu sahaja ditubuhkan pada awal tahun bersempena *Konvensyen Keselamatan IPTA 2013* yang lalu.

Pengarah Keselamatan UniSZA En. Ismail Ahmad mengucapkan tahniah kepada anggota pasukan ERT yang berjaya mengharungi ujian tersebut dan berharap program seperti ini diadakan lagi untuk masa akan datang, malahan beliau berharap latihan sebegini turut didedahkan kepada semua staf di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Pasukan ERT UniSZA juga mendapat jemputan menghadiri *Kawad Kebombaan Peringkat Kebangsaan* baru – baru ini.

UniSZA Menyertai Konvensyen Pembangunan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi IPT

Menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan siswa yang berkebolehan menjadi seorang usahawan berjaya, Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar (SERC) telah menyertai *Konvensyen Pembangunan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi IPT* pada 11 - 13 Oktober 2013 bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Kuala Lumpur.

Konvensyen ini telah disertai oleh 20 orang pelajar dan telah diiringi oleh seorang pegawai pengiring. Konvensyen ini bertujuan untuk membincangkan strategi pembangunan modal insan gerakan koperasi di IPTA/IPTS selaras dengan kehendak KPM. Selain itu, konvensyen ini juga untuk membincangkan pembentukan jaringan hubungan antara pelajar selaku koperator dalam gerakan koperasi IPT.

Menerusi konvensyen ini para pelajar dapat membuat rumusan bahawa untuk menghasilkan modal insan koperasi yang kompeten, setiap koperasi perlulah mempunyai objektif kompetensi yang terdiri daripada kombinasi ilmu, kemahiran dan sikap seperti berikut meningkatkan minat dan sumbangan anggota koperasi, meluaskan bidang perniagaan, dan



meluaskan bidang pekerjaan.

Secara kesimpulannya, konvensyen ini membolehkan para pelajar lebih berkeyakinan untuk melibatkan diri dalam semua aktiviti keusahawanan yang di anjurkan oleh kampus universiti. Para pelajar juga dapat memperlengkapkan diri dalam menempuh cabaran yang akan dilalui mereka dalam era kemodenan sekarang.



UniSZA Terpilih ke Peringkat Akhir MEA 2013

Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar (SERC) telah menerima lawatan panel penilai *Ministry of Education Entrepreneurial (MOE) Awards 2013* bagi kategori *Entrepreneurial University of the Year 2013* pada 21 Oktober 2013 bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Seramai enam orang panel penilai telah hadir pada sesi lawatan tersebut. Para panel telah mengadakan sesi temu bual bersama Penolong Naib Canselor dan sesi temu bual bersama lima orang *key person* yang terlibat dalam pertandingan ini. Mereka adalah Dr. Ahmad Azrin Adnan (*Institutional Environment*), Prof. Dr. Mohamad Aziz Taib (*Student Engagement*), Prof. Suleiman Mohd Salleh (*Entrepreneurial Impact*), En. Ahmad Termizi Abdul Aziz (*Innovative and Entrepreneurial Staff*), dan Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid (*Innovative Entrepreneurial Teaching and Learning*).

UniSZA telah diumumkan sebagai antara enam universiti yang berjaya melangkah ke peringkat akhir (*finalist*) dalam kalangan 20 universiti yang bertanding bagi *Ministry of Education (MOE) Entrepreneurial Awards (MEA) 2013*. Sesi perbentangan tersebut telah diadakan pada 17 - 19 September 2013 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disertai oleh semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia. Objektif penganjuran pertandingan ini adalah

untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pendidikan keusahawanan IPT yang lebih terancang dan holistik. Selain itu juga, ia bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada IPT yang menunjukkan kecemerlangan dari segi pendidikan dan pembangunan keusahawanan. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu *MOE Entrepreneurial Awards 2013 (MEA 2013)* yang disertai oleh kakitangan, manakala bagi kategori *Best Student Enterprise 2013* pula disertai oleh pelajar.

Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar telah menghantar seramai sepuluh orang peserta terdiri daripada pensyarah dan kakitangan mewakili UniSZA untuk kategori *MOE Entrepreneurial Awards 2013 (MEA 2013)*, manakala seramai lima orang peserta terdiri dalam kalangan pelajar mewakili UniSZA bagi kategori *Best Student Enterprise 2013*.





Jom Singgah Sahur Ramadan 1434H

Program Jom Singgah Sahur Ramadan 1434H merupakan satu program khidmat komuniti para pelajar UniSZA bersama masyarakat setempat. Sesuai dengan bulan Ramadan yang merupakan bulan penuh kerahmatan, program *Jom Singgah Sahur* diadakan bagi memanfaatkan bulan ini dengan program yang bermanfaat dan berfaedah kepada para pelajar. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan menabur bakti kepada masyarakat, di samping menyemarakkan bulan *Ramadan al-Mubarak* dengan amalan kebajikan. Melalui *Jom Singgah Sahur*, pengagihan bantuan kepada masyarakat dilakukan dalam bentuk barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula dan kurma.

Majlis ini telah diadakan pada 28 Julai 2013 iaitu hari Ahad menjelang waktu berbuka puasa antara jam 2.00 pagi hingga jam 7.00 pagi. Ia berlangsung di Dun Seberang Takir, Terengganu melibatkan 10 buah keluarga terpilih. Majlis disudahi dengan jamuan sahur di Perkarangan Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Seberang Takir, Terengganu. Para pelajar UniSZA yang terlibat terdiri daripada kalangan pelajar Majlis Kolej Kediaman C (MKK C) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar bagi memastikan perjalanan program berjalan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Jom Singgah Sahur dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir iaitu Dato' Haji Ahmad Razif Abd Rahman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Air Negeri Terengganu yang seterusnya merasmikan majlis ini. Wakil Pengurusan UniSZA yang hadir ialah Pengarah Kolej Kediaman UniSZA Kampus Gong Badak, Dr. Ahmad Bazli Shafie. Yang Berhormat amat berbesar hati dengan penganjuran program ini yang sedikit sebanyak



dapat membantu meringankan bebanan masyarakat setempat. Di samping itu, jalinan ukhuwah antara pelajar dan kakitangan UniSZA dengan masyarakat sekitar dapat diertatkan lagi dan beliau mengharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Melalui penganjuran program seperti ini, para pelajar dilatih untuk berbakti kepada masyarakat. Sahsiah pelajar akan dibentuk dengan nilai-nilai murni iaitu sikap saling membantu dan bekerjasama antara satu sama lain. Bahkan, ia dapat memberikan layanan dan kasih sayang yang diperlukan kepada anak-anak yatim, di samping menyemai rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap ibu bapa dalam diri para pelajar UniSZA yang terlibat. Masyarakat sekitar turut mendapat input positif daripada program ini melalui hubungan yang berterusan antara pelajar dan kakitangan UniSZA dengan mereka menerusi program khidmat bakti seperti ini.

Program seumpama ini diharapkan dapat memupuk nilai kemasyarakatan dalam kalangan pelajar agar hubungan manusiawi dengan masyarakat luar dapat diertatkan untuk jangka masa panjang.

Kembara Grafik di Melaka

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pusat Aktiviti Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UniSZA telah mengadakan Program Kembara Grafik di Melaka pada 19 - 21 September 2013 yang melibatkan seramai 27 orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia). Program ini turut disertai oleh tiga orang pensyarah dari Pusat Pengajian Multimedia, iaitu Puan Normala Rahim selaku penasihat program ini, Puan Wan Malini Dato' Wan Isa dan Puan Azilawati Rozaimiee.

Program ini diadakan sebagai tugas bagi subjek TMS 1033 (Reka Bentuk Grafik) untuk menghasilkan *Coffee Table Book (CTB)*. CTB merupakan sebuah buku yang biasanya diletakkan di atas meja kopi di tempat santai tetamu sebagai inspirasi atau mengurangkan kebosanan. Kebiasaannya, CTB berorientasikan visual iaitu mirip buku koleksi foto. Setiap muka surat terdiri daripada gambar-gambar dan ilustrasi, disertakan dengan kapsyen dan blok kecil teks, berbanding dengan ayat panjang. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Alor Gajah, Melaka menjadi tempat kunjungan pertama program ini. Selain itu peserta juga dibawa melawat ke Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UiTM tersebut. Objektif utama program ini dijalankan ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang praktis pengajaran dan pembelajaran bagi kursus reka bentuk grafik yang dilaksanakan oleh Fakulti Seni Lukis Seni Reka, UiTM Melaka, serta mendedahkan pelajar tentang teknologi yang digunakan oleh universiti lain dalam bidang teknologi maklumat dan sains komputer. Selain teknologi, pelajar juga dapat melihat sendiri persekitaran pembelajaran tempat lain serta dapat berkongsi pendapat dengan pensyarah dan pelajar daripada universiti tersebut. Hal ini sekaligus dapat membuka minda pelajar menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan kamera DSLR. Selain itu, program ini turut melatih diri pelajar agar lebih berani untuk berkomunikasi dengan tujuan mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Seterusnya ia juga dapat membina semangat kerjasama antara ahli pasukan dalam menyiapkan tugas yang diberikan.

Bandar Hilir Melaka merupakan lawatan kemuncak program ini. Para pelajar dikehendaki menggunakan segala kemahiran, idea dan kreativiti masing-masing bagi mendapatkan hasil kerja yang terbaik bagi menyiapkan tugas yang diberikan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah mempraktik teknik fotografi luar (*outdoor photography*) dengan mencari *subject matter* di sekitar Melaka bertemakan keunikan Melaka. Daripada aktiviti ini, para pelajar dapat mengaplikasi teori yang telah dipelajari dalam kursus TMS 1033 seperti *brainstorm* idea dan konsep



metodologi menghasilkan karya grafik, mendapatkan maklumat daripada sumber pertama seperti temuduga, pemerhatian dan sebagainya dan semangat kerja berpasukan. Mereka juga dikehendaki menjalankan aktiviti khidmat masyarakat iaitu aktiviti gotong royong di pinggir pantai Crystal Bay, Taman Alai Perdana.

Pada akhir program ini, pelajar diberi ruang untuk menceritakan pengalaman yang telah dilalui sepanjang aktiviti dijalankan. Semua pelajar telah memberi maklum balas yang positif terhadap program ini kerana mereka dapat belajar dan menimba ilmu daripada gerak kerja lapangan di luar kelas pembelajaran. Banyak pengalaman yang telah diperolehi pelajar melalui aktiviti yang telah dilaksanakan. Antaranya ialah dapat melihat sendiri persekitaran pembelajaran yang kondusif di universiti lain dan mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak melalui sesi temubual bersama pemilik kedai antik, komuniti baba dan nyonya, pemilik beca, pemilik hotel yang popular, pemilik kedai makanan dan banyak lagi. Ini merupakan pengalaman yang tidak dapat diperolehi jika hanya belajar di dalam kelas atau makmal. Melalui program ini, pelajar sangat berpuas hati dan mencadangkan agar dapat diberi peluang lagi untuk menyertai program seumpamanya pada masa akan datang.

Menurut penasihat program, pelajar telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi. Bermula daripada perancangan sehingga program ini tamat, pelajar telah menunjukkan disiplin yang tinggi dengan menepati masa dan melakukan semua tugas yang telah diberikan dengan jaya. Sepanjang program ini berjalan, pelajar juga telah menunjukkan kredibiliti dan kreativiti masing-masing untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Selain itu, pelajar telah menunjukkan semangat berpasukan dan hasil terbaik diperolehi dengan menghasilkan tugas yang kreatif dan berinformasi.

Majlis Profesor Negara Bersama Komuniti Besar



Bertempat di Dewan Majlis Daerah Besut, Kampung Gong Kemuntong, Jertih, Besut program Program Jalinan Komuniti Majlis Profesor Negara (MPN) Bersama Masyarakat Besut telah diadakan selama dua hari iaitu pada hari Khamis dan Jumaat bersamaan 12 - 13 September 2013. Program ini merupakan anjuran MPN dan Pejabat Daerah Besut dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kakitangan Pusat Pembangunan Hospital Universiti (PPHU) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mewakili UniSZA sebagai urusetia dalam program ini.

Antara aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan adalah lawatan ke rumah pesakit kronik, pemeriksaan, pameran dan kaunseling kesihatan, dialog bersama komuniti, kuiz Minda MPN 2013 serta aktiviti khas kecemerlangan bersama pelajar SPM.

Aktiviti pemeriksaan, pameran dan kaunseling kesihatan dijalankan secara usahasama antara UniSZA, HUSM, UiTM serta kakitangan dari Hospital Sultanah Nur Zahirah dan Hospital Besut. Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti program saringan kesihatan seperti pemeriksaan tekanan darah, kolestrol dan glukos, dan juga pemeriksaan gigi dan mulut.

Lawatan ke rumah pesakit-pesakit kronik telah disertai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, pakar-pakar perubatan serta pelajar-pelajar Sains Kejururawatan. Sebanyak 13 buah rumah pesakit telah dilawati. Pemeriksaan dilakukan ke atas pesakit dan pemeriksaan lanjutan dirujuk ke hospital berdekatan. Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris Jusoh turut serta dalam lawatan ke sebuah rumah pesakit di Kampung Padang Luas Dalam bersama para pakar perubatan.

Kuiz Minda MPN 2013 telah dikendalikan oleh pihak UniSZA. Sebanyak 400 set soalan telah diedarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar daerah Besut. UniSZA telah menyumbang piala pusingan kepada pemenang pertama serta hadiah kepada para pemenang lain.

Aktiviti khas kecemerlangan bersama pelajar SPM di Daerah Besut pula telah disertai oleh hampir 1,000 pelajar tingkatan lima dalam daerah Besut. Penumpuan diberikan kepada isu bagaimana untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran sejak di bangku sekolah lagi. Mereka didedahkan dengan kejayaan para profesor daripada pelbagai bidang dan sedang berkhidmat di pelbagai universiti tempatan. Ia merupakan satu pendekatan yang menarik, sehingga para ibu bapa telah meminta supaya program ini perlu kerap diadakan di kawasan luar bandar. Antara ahli panel yang terlibat ialah Prof. Dr. Mohd Sahar Yahya (moderator), Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Prof. Dr. Masjuki Hj. Hasan, Prof. Dato' Dr. Halimah Badioze Zaman dan Prof. Dr. Zabidi Azhar Husin. Aktiviti ini telah mendapat kerjasama Pejabat Daerah Besut, Pejabat Pelajaran Daerah Besut dengan kerjasama Pejabat Parlimen Besut.

Acara kemuncak program ini adalah majlis perasmian oleh Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris Jusoh dan dihadiri pemimpin masyarakat Besut terdiri daripada wakil JKK, pengerusi PIBG dan jawatankuasanya, Pegawai Kesihatan Daerah, Pegawai Pelajaran Daerah, Pegawai RISDA, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Polis Daerah dan Pegawai Majlis Daerah Besut. YB Menteri mengucapkan terima kasih kepada Majlis Profesor Negara kerana sudi turun padang bersama komuniti Besut pada kali ini.

Program seumpama ini diharapkan dapat merapatkan hubungan antara golongan profesor dan masyarakat setempat. Selain itu, dengan adanya program seumpama ini, ia dilihat dapat menggalakan para profesor dan ahli akademik untuk mendekati diri dengan penduduk tempatan, memahami permasalahan mereka serta bersama-sama pihak yang bertanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi oleh golongan masyarakat awam.

Program Kesihatan IJN dan Media Prima Berhad Bersama Komuniti

Program Kesihatan Institut Jantung Negara (IJN) dan Media Prima Berhad Bersama Komuniti Dun Seberang Takir telah diadakan pada 5 Oktober 2013 bertempat di Pusat Rehabilitasi 1Malaysia, Telaga Daing Seberang Takir Terengganu. Program ini diadakan secara anjuran bersama Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Negeri Terengganu bersama Institut Jantung Negara (IJN) dan Media Prima Berhad.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh ADUN Seberang Takir Terengganu, Dato' Haji Ahmad Razif Abd Rahman. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mempromosi cara penjagaan kesihatan jantung yang betul, sekaligus merupakan platform bagi menyebarkan informasi terkini mengenai kesihatan jantung kepada komuniti luar bandar.

Pelaksanaan program ini dijayakan dengan penyediaan paramedik daripada Pusat Kesihatan UniSZA yang bertujuan menyediakan khidmat pemeriksaan percuma kepada komuniti Seberang Takir. Seramai 200 orang peserta terdiri daripada masyarakat kampung telah menjalani pemeriksaan kesihatan secara percuma di tempat khas bagi Pusat Kesihatan UniSZA. Program turut dimeriahkan dengan aktiviti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, ceramah kesihatan, cabutan bertuah dan gimik pelancaran 'Arm Lift' untuk Van Pusat Khidmat



Masyarakat DUN Seberang Takir. 'Arm Lift' ini akan digunakan untuk mengambil pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan khidmat rawatan di Pusat Rehabilitasi Telaga Daing, Seberang Takir. Selain IJN dan Media Prima Berhad, pihak lain seperti Hotel Tabung Haji, Adabi, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut serta dalam program kali ini.

Program ini dilihat sebagai satu pemangkin kepada amalan gaya hidup yang lebih sihat dalam kalangan masyarakat setempat dan meningkatkan kerjasama dan koordinasi antara ADUN Seberang Takir dan pelbagai agensi terlibat seperti IJN, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Media Prima Berhad dan lain-lain. Selain itu, ia dilihat sebagai satu wadah terbaik mengeratkan hubungan antara sesama masyarakat khususnya dalam bab kesihatan yang merupakan antara elemen terpenting dalam sebuah kehidupan.

UniSZA Anjur Ibadat Korban

Ibadat korban diadakan dengan tujuan untuk memasyhurkan syariat korban itu sendiri, di samping dapat memberi ruang kepada warga UniSZA dan masyarakat setempat untuk melaksanakan ibadat korban tersebut. Program ini juga dapat membantu dan memberi pendedahan kepada mahasiswa serta golongan remaja tentang ibadat korban dan teknik penyembelihan. Selain bertujuan memupuk semangat kerjasama dan menghidupkan amalan gotong royong yang kian terhakis dalam masyarakat kebelakangan ini, penganjuran program ini juga dapat mengeratkan ikatan silaturrahim antara warga UniSZA dan komuniti setempat. Ia sekaligus dapat membantu golongan fakir miskin yang kurang berkemampuan merasai sama kemeriahan menyambut Hari Raya Korban.

Pada Selasa, 15 Oktober 2013, bertempat di Medan Penyembelihan Korban, Masjid UniSZA seramai 109 orang peserta yang terdiri daripada 53 orang lelaki dan 56 orang perempuan terlibat menjayakan program berkenaan. Sebanyak 20 ekor lembu telah dibeli di Ladang Rakyat, Chenih, Kemaman untuk tujuan ibadat

tersebut dengan harga satu bahagian korban bernilai RM470. Acara penyembelihan dimulakan pada jam 9.00 pagi sejurus selesai solat sunat Hari Raya Idul Adha dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Ia diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UniSZA, merangkap Imam Besar Masjid, Tuan Haji Suhaimi Mohamad.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr. Nik Wan Omar, yang turut serta dalam ibadat tersebut melahirkan rasa syukur dan terharu atas penganjuran program ini yang banyak memberi manfaat kepada warga UniSZA dan komuniti setempat. Setiap peserta juga mengambil kesempatan untuk beramah mesra sambil memotong daging sembelihan di bawah khemah-khemah yang dikhaskan. Ahli jawatankuasa pelaksana yang mengurus daging korban hasil sumbangan daripada peserta telah berjaya mengagihkannya kepada golongan fakir dan golongan yang kurang berkemampuan.

UniSZA Imarahkan Sambutan Ramadan al-Mubarak



Bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadan al-Mubarak 1434H, Pusat Islam telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Agihan Kurma. Sebanyak 1,000 bekas kurma telah berjaya diagihkan kepada peserta naqib, peserta tadarus al-Quran serta masyarakat setempat. Program ini telah berlangsung pada 23 Julai 2013 bertempat di Masjid UniSZA.

Program agihan ini diadakan untuk membina hubungan baik antara pihak pengurusan tertinggi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan masyarakat setempat. Agihan dijalankan selepas selesai solat Zohor secara berjemaah di Masjid UniSZA. Kurma tersebut diagihkan sendiri oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, dan Pengarah Pusat Islam, Dr. Mohd Shafiee Hamzah.



Dalam petikan ucapannya, Naib Canselor meletakkan harapan agar program-program keagamaan seperti tadarus quran terus dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang akrab dengan al-Quran dan melahirkan ramai generasi 'Ulul Albab.'

Susulan daripada itu, sempena Sambutan Nuzul Quran dan program Khatam al-Quran, satu Majlis Berbuka Puasa Perdana telah diadakan untuk meraikan Jemaah Masjid UniSZA yang terdiri daripada pelajar, staf dan masyarakat setempat.

Majlis tersebut telah diadakan pada hari Selasa, 30 Julai 2013 bersamaan 21 Ramadan 1434H. Majlis ini telah dihadiri oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), pihak pengurusan UniSZA, staf, pelajar dan masyarakat setempat. Tetamu yang hadir adalah sekitar 500 orang.

Objektif utama majlis ini adalah untuk menghidupkan bulan Ramadan, memupuk perasaan mencintai Ramadan, mendekatkan komuniti dengan universiti, meningkatkan syiar Islam dengan menghubungkan silaturrahim dan memuliakan golongan fakir miskin terutamanya golongan komuniti dan pelajar.

Naib Canselor dalam ucapan perasmiannya menyatakan bahawa acara seperti ini akan dipergiatkan lagi untuk memperlihatkan kecaknaan universiti dalam melakukan khidmat komuniti di kalangan masyarakat setempat. Majlis seumpama ini dapat mendekatkan masyarakat dengan masjid, golongan miskin tidak terpinggir dan secara tidak langsung dapat memasyarakatkan universiti dengan komuniti. Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah Tadarus al-Quran, Majlis Khatam al-Quran, bacaan tahlil, solat Maghrib dan Isyak berjemaah. Majlis diakhiri dengan solat terawih.



Mobiliti Pelajar Antarabangsa Sumatera Barat

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima ketibaan para pelajar daripada Kota Sawahlunto Sumatera Barat Indonesia pada 2 Julai 2013 dalam *Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa* yang dianjurkan oleh Homestay Teluk Ketapang dengan kerjasama UniSZA.

Program ini adalah bertujuan untuk berkongsi sosio-budaya dan adat resam bersama keluarga angkat di samping mengenali UniSZA sebagai institusi pendidikan tinggi yang ulung di pantai timur Semenanjung Malaysia. Program seperti ini dapat membina jaringan kerjasama yang padu antara kedua-dua buah negara.

Program diadakan di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, UniSZA, Encik Abd. Rahim Ramli. Taklimat ini memberikan pendedahan kepada semua pelajar mengenai beberapa program pengajian yang ditawarkan di UniSZA bagi peringkat yang sesuai untuk kemasukan para pelajar antarabangsa.

Setelah selesai taklimat itu, peserta dibawa ke Perpustakaan UniSZA dan Galeri Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan serta sesi lawatan ke sekitar kampus sebelum mendaftar penginapan di Pejabat Kolej Kediaman. Aktiviti pada petang itu diteruskan dengan slot bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dikendalikan oleh saudara Mohd Qayyum Shamsuddin dan Mohd Farid Abdul Talib.

Malam Kebudayaan Malaysia-Indonesia merupakan acara kemuncak program ini. Majlis



dirasmikan oleh Pengarah Kolej Kediaman Kampus Gong Badak, mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Dr. Ahmad Bazli Shafie dan disaksikan oleh semua peserta dan keluarga angkat pelajar di Dewan Kuliah Utama. Menurut beliau, program ini cukup bermakna kerana keunikan negara Malaysia dan Indonesia mempunyai unsur persamaan dari segi aspek kebudayaan, adat resam dan amalan kehidupan seharian. Di samping itu, pelajar dari sekolah-sekolah berdekatan turut diundang bagi memeriahkan acara pada malam tersebut. Program ini diakhiri dengan pelbagai persembahan kebudayaan dari Indonesia dan Malaysia seperti Tarian Zapin, Tarian Ulik Mayang dan tarian tradisional Indonesia.

Pelajar UniSZA Sertai Forum Antarabangsa ALSA 2013

Asian Law Students' Association (ALSA) merupakan sebuah persatuan yang dianggotai oleh para pelajar undang-undang dari 15 buah negara iaitu China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand, Malaysia, Brunei, Indonesia, Vietnam, Laos, and Sri Lanka. Ia ditubuhkan pada 7 September 2002. Pada 27 Ogos - 6 September 2013, Asian Law Students' Association International Board dengan kerjasama Asian Law Student's Association Philippines telah menganjurkan *ALSA International Forum 2013* bertempat di Crimson Hotel, Filinvest City, Manila. Mahasiswi Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa (FUHA)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Saudari Nur Izzah Liyana Haji Mat Nayan merupakan salah seorang wakil tunggal UniSZA yang menghadiri persidangan antarabangsa berkenaan. Saudari Nur Izzah telah dibiayai sepenuhnya oleh United Nations dan Air Asia hasil sumbangannya dalam kegiatan sukarelawan bersama *United Nation Online Volunteering* (UNOV).

Pada tahun ini, delegasi yang terpilih untuk mewakili ALSA Malaysia hanyalah seramai 13 orang mahasiswa Undang-Undang yang terdiri daripada mahasiswa UKM, UiTM, UIAM, UniSZA dan HELP University College. *ALSA International Forum* dihadiri oleh pemimpin-pemimpin veteran dan semasa *ALSA National Chapter* masing-masing disebabkan keistimewaan forum ini yang mengandungi acara kemuncak iaitu Perhimpunan Agung ALSA. Dalam perhimpunan ini, *ALSA International Board* sedia ada akan meletak jawatan bagi membolehkan proses pemilihan *ALSA International Board* yang baru.

Selain itu, persidangan antarabangsa yang bertemakan '*Defending Human Rights Through Social Media Law*' juga turut diadakan dan telah dirasmikan oleh The Honorable Ma. Lourdes P. A. Sereno, Chief Justice of the Philippines. Persidangan antarabangsa ini telah dilaksanakan di beberapa tempat utama antaranya adalah San Beda College Alabang, School of Law, De La Salle University, College of Law, Ateneo Law School, dan juga Crimson Hotel, Filinvest City, Manila. Perasmian program *ALSA International Conference 2013* menyaksikan kesemua ketua



delegasi negara masing-masing melakukan simbolik perasmian yang menyatukan seluruh negara Asia melalui slogannya *Towards Asian Integration 2014* dan *ALSA Always Be One*. Seminar antarabangsa ini disertai oleh lebih 400 mahasiswa undang-undang di serata Asia. Antaranya adalah ALSA Filipina, ALSA Sri Lanka, ALSA Laos, ALSA Vietnam, ALSA Brunei, ALSA Taiwan, ALSA Hong Kong, ALSA Japan, ALSA China, ALSA Thailand, ALSA Singapura dan ALSA Indonesia. *ALSA International Conference* ini menyediakan keseluruhannya enam *Discussions Groups* yang terdiri daripada:

1. *Discussion Group A: Censorship and Freedom of Speech and Information*
2. *Discussion Group B: Piracy and Hacking: Revisiting Intellectual Property*
3. *Discussion Group C: Identity Theft and the Issue of Privacy*
4. *Discussion Group D: Perpetuation of Sexual Offences through the Internet*
5. *Discussion Group E: Cyber-Libel and Cyber-Bulling*

Kesemua mahasiswa yang menyertai persidangan antarabangsa ini telah dibahagikan kepada *Discussion Group* masing-masing dan dikehendaki membentangkan *legal proposition* mewakili negara masing-masing. Kesemua *Table Discussion* ini melalui fasa pembentangan *legal proposition* di peringkat negara masing-masing. Selepas itu, mereka melalui

fasa *Table Rotation* di mana *legal proposition* terbaik oleh kesemua Table Discussion akan dibentangkan di khalayak ramai di dewan persidangan utama. Saudari Nur Izzah telah mewakili Malaysia di dalam *Group Discussion E: Piracy and Hacking: Revisiting Intellectual Property*. *Legal proposition* yang diwakili beliau telah dinobatkan sebagai *legal proposition* terbaik dalam usaha memelihara harta intelek di Malaysia. Keseluruhannya, prestasi kesemua delegasi ALSA Malaysia dalam kumpulan perbincangan masing-masing sangat baik. Kebanyakan delegasi memuji tahap kematangan delegasi berhujah mengenai undang-undang *cyber law* dan usaha menambah baik undang-undang sedia ada. Selain daripada itu, delegasi ALSA Malaysia juga turut mengungguli dua *group discussion* yang lain apabila turut dinobatkan sebagai *legal proposition* terbaik bagi isu *Censorship and Freedom of Speech and Information & Perpetuation of Sexual Offences through the Internet*.

Selain persidangan utama yang menjadi modul utama persidangan ini, dua pengisian lain juga turut berlangsung pada masa yang sama. *ALSA International Debate Competition* juga turut berlangsung di mana ALSA Malaysia sekali lagi berjaya meraih Juara Keseluruhan *ALSA International Moot/Debate Competition* selepas kejayaan pada *ALSA International Conference*, Korea Selatan yang lalu. Peserta debat antarabangsa kali ini diwakili oleh Surendra Ananth (UKM), Ahmad Sharil (UIAM) dan Siti Mardiyah (UIAM). Kesemua usul yang dibentangkan memihak ke ALSA Malaysia apabila berjaya memenangi kesemua pusingan. Antara usul yang dibentangkan adalah:

- Pusingan Pertama: *THW ban media coverage of extremist political parties*
- Pusingan Kedua: *THW restrict media access during hostage-taking*
- Pusingan Ketiga: *TH supports the live broadcast of high-profile courtroom*
- Semi-Final: *THBT for journalists, the obligation to rescue should take precedence over the right to document*

Di samping itu, pengisian utama sepanjang

persidangan antarabangsa ini adalah *Governing Council Meeting (GCM)*. *Governing Council Meeting* merupakan satu mesyuarat berskala antarabangsa yang dihadiri oleh kesemua ketua delegasi negara yang terdiri daripada Presiden dan Setiausaha Agung *ALSA National Chapter* masing-masing. Keseluruhannya, terdapat empat mesyuarat yang dilaksanakan secara serentak iaitu:

- *Governing Council Meeting – President’s Meeting (PM)*
- *Governing Council Meeting – Public Relations and Marketing Officers Meeting (PRM)*
- *Governing Council Meeting – Internship and Exchange Officers Meeting (IE)*
- *Governing Council Meeting – Academic Activities Coordinator Officers Meeting (AAC)*

Agenda kemuncak persidangan antarabangsa ini adalah Perhimpunan Agung yang menghimpunkan keseluruhan 450 mahasiswa undang-undang di serata Asia. Perhimpunan ini bertujuan untuk menjalankan pemilihan *ALSA International Board* yang baru menggantikan Lembaga Pengarah (*ALSA International Board*) sedia ada. ALSA Malaysia sangat berbangga pada tahun ini apabila dua pencalonan mewakili negara Malaysia telah dipilih untuk bertanding kerusi Presiden *ALSA International Board* dan juga Naib Presiden, *Public Relations and Marketing (PRM)*. Selain dari ALSA Malaysia, ALSA Indonesia juga telah menghantar calon untuk merebut kerusi sebagai Presiden *ALSA International*, manakala bagi jawatan-jawatan lain, ditandingi oleh ALSA Filipina, ALSA Korea, ALSA Indonesia, ALSA Singapura, dan ALSA Thailand. Satu *Presidential Debate* telah dilakukan untuk memilih calon yang terbaik buat keseluruhan negara Asia. Selepas sesi pembentangan pencalonan dibuat, begitu juga dengan *Presidential Debate*, ALSA Malaysia telah dikejutkan dengan kemenangan kedua-dua calon yang telah dipersetujui oleh ALSA Malaysia. Surendra Ananth (UKM) telah diumumkan sebagai Presiden Baru *ALSA International Board 2013/2014* apabila berjaya memenangi kerusi berkenaan dengan dua per tiga majoriti daripada 11 buah negara yang layak mengundi. Selain itu, calon baru Ahmad Sharil juga telah berjaya memegang tampuk ALSA sebagai Naib Presiden, *Public Relations and Marketing ALSA International*.

Pengisian lain sepanjang program adalah *Welcoming Dinner*, *Cultural Night*, lawatan ke Supreme Court, Malacanang, *The Senate*, *Constitutional Court*, *General Assembly*, lawatan bersejarah ke Intramuros, Villa Escudero, Corregidor Island dan banyak lagi. Kesemua delegasi ALSA Malaysia seramai 13 orang berangkat pulang ke Malaysia selepas tamat persidangan berkenaan.





PPKKH UniSZA Bersama Warga Meulaboh, Aceh Barat

Pusat Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup (PPKKH) dengan kerjasama Pemerintah Kabupaten Aceh Barat telah mengadakan lawatan rasmi serta program Warga Sihat Masyarakat Sejahtera, di Aceh Barat, Indonesia. Delegasi UniSZA yang terlibat terdiri daripada Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Prof. Dr. Nordin Simbak, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar (Sains Kesihatan), Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Tarek Wafa, Pengarah PPKKH, Prof. Madya Dr. Azmi Hassan serta seorang pensyarah, Cik Rohayu Izanwati Mohd Rawi. Delegasi tersebut turut disertai oleh 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan tahun akhir dan lapan orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Dietetik tahun tiga. Program ini telah berlangsung selama enam hari bermula dari 1 - 5 September 2013. Antara tempat yang dikunjungi oleh delegasi UniSZA ialah Rumah Sakit Umum Cut Nyak Dhien, Universitas Teuku Umar, Sekolah Tinggi Agama Islam Teungku Dirundeng serta Universitas Syiah Kuala. Program Warga Sihat Masyarakat Sejahtera pula diadakan di Pusat Kesihatan Masyarakat Meureubo, Aceh Barat.

Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk mempromosikan universiti sejajar dengan hasrat Naib Canselor UniSZA iaitu untuk mengantarabangsakan

UniSZA di samping menyumbang perkhidmatan pembangunan kesihatan komuniti secara langsung kepada masyarakat antarabangsa yang terpinggir, khususnya disebabkan oleh bencana alam. Ia juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar program Ijazah Perubatan dan Dietetik UniSZA kepada komuniti antarabangsa yang berlainan demografi tetapi memiliki ciri-ciri persamaan dari aspek budaya dan agama. Program ini juga berupaya membantu dalam memperteguh keupayaan akademik dan penyelidikan para pensyarah UniSZA menerusi misi kemanusiaan dan hubungan kemasyarakatan yang berbeza dengan situasi dalam negara. Peningkatkan keakraban hubungan dua hala antara UniSZA dengan komuniti antarabangsa khususnya dalam bidang pembangunan kesihatan komuniti, akademik mahupun penyelidikan dapat diperkasakan.

UniSZA telah menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dengan Fakultas Kesihatan Masyarakat, Universitas Teuku Umar, Meulaboh, Aceh Barat pada 4 September 2013. Di samping itu, para pelajar yang turut sama ke Aceh Barat telah diserahkan kepada sepuluh buah keluarga angkat di Meulaboh bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap budaya serta menyelami kehidupan masyarakat Meulaboh, Aceh Barat selepas berlakunya bencana tsunami pada tahun 2004.

Program Cakna Muslim Kemboja

Mahasiswa/i dan pensyarah dari Kelab PERKIM UniSZA telah menjayakan Program Cakna Muslim Kemboja 1434H/2013 bersempena Aidiladha 1434H di bawah Misi kemanusiaan UniSZA ke Kemboja (MKU-KEMBOJA). Misi ini dilihat sebagai satu platform terbaik bagi warga UniSZA yang menjadi sukarelawan untuk menyumbang tenaga, masa, ilmu, serta kepakaran kepada masyarakat Islam di Kemboja sebagai tanggungjawab sosial (Fard al-Kifayah) demi memajukan kehidupan masyarakat.

Program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang cakna dan bermanfaat kepada masyarakat. Program ini juga mampu mencetuskan kesedaran penduduk kampung di Kemboja tentang kepentingan pendidikan dan amalan ajaran Islam untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan kualiti hidup mereka. Pada masa yang sama, dengan aktiviti korban serta pengagihan bantuan kepada masyarakat dhuafa', dapat mengurangkan beban penduduk khususnya dalam menyambut Aidil Adha pada tahun ini.

Sebanyak 35 ekor lembu telah dikorbankan untuk diagihkan kepada penduduk Muslim di daerah Kampot dalam program ini yang berlangsung pada 9-18 Oktober 2013. Menurut pengiring Kelab PERKIM UniSZA, Dr. Rahimah Embong, daging korban telah dibahagikan kepada beberapa kampung terpilih iaitu Semrong, Kandal 1, Kandal 2, Trykah, Mak Prang, Andong Trabeak, Kok Sas, Kebal Romeas dan lain-lain.

Antara aktiviti yang dijalankan bersama penduduk kampung adalah melapah, menyediakan makanan serta makan tengahari bersama-sama mereka. Turut dijalankan adalah aktiviti bersama kanak-kanak iaitu pengajaran dan pembelajaran, mewarna, melukis, pertandingan azan dan iqamah. Selain itu, pelbagai aktiviti kegiatan amal turut dijalankan seperti rawatan secara percuma, pemberian sumbangan untuk keperluan masjid, sumbangan untuk kanak-kanak dan golongan dewasa, program keagamaan di masjid-masjid serta gotong-royong untuk masyarakat di kampung-kampung yang dikunjungi. Pada masa yang sama, program ini terisi dengan lawatan ke tempat-tempat yang menarik di Phnom Penh, antaranya ialah Penjara Toul Sleng dan Padang Pembunuhan Choeung Ek. Lawatan ini mendedahkan kepada sukarelawan tentang peristiwa hitam yang telah terjadi kepada Kemboja pada masa lalu.



Program ini berjalan lancar seperti yang telah dirancang walaupun terdapat beberapa perubahan daripada perancangan asal. Namun dengan sokongan dan bantuan dari semua pihak yang terlibat ia banyak memberi kesan yang positif kepada program ini. Oleh yang demikian, program seperti ini harus diteruskan di masa hadapan.

Kem Pemantapan Atlet UniSZA Siri 2, 2013

Pusat Sukan dan Rekreasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Kem Pemantapan Atlet UniSZA Siri 2 pada 4 hingga 6 Julai 2013 bertempat di 1M4U Outreach Camp, Merang. Kem yang diadakan kepada atlet-atlet UniSZA ini adalah sebahagian daripada persiapan sebelum menyertai Karnival Sukan MASUM 2013 yang akan berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada bulan Ogos ini. Seramai 96 orang atlet daripada 14 acara sukan telah menyertai kem ini.

Pengisian kem yang padat dengan program seperti ceramah motivasi, aktiviti *night walk*, *ironman* dan beberapa lagi aktiviti berkumpul diharap dapat membentuk dan menerapkan nilai disiplin, jati diri, motivasi serta semangat kerjasama dalam kalangan



peserta. Objektif program ini adalah untuk mempersiapkan siagakan atlet-atlet yang akan bertanding dalam kejohanan tersebut dari segi mental, fizikal, kemahiran serta teknik-teknik asas sebagai seorang atlet. Ini sedikit sebanyak dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang sedia ada.

Kem yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar sedikit sebanyak telah membakar semangat juang atlet UniSZA agar dapat mengharumkan nama universiti di persada sukan IPT khususnya pada sukan MASUM nanti. Melalui amanat yang disampaikan, beliau berharap agar semua atlet UniSZA dapat berjuang dengan penuh disiplin serta cuba sedaya upaya untuk meraih seberapa banyak pingat demi menaikkan nama universiti.

Para atlet diberi sasaran untuk meraih tujuh pingat emas pada Karnival Sukan MASUM nanti. Diharap pasukan memanah, taekwondo, karate do, menembak, kayak dan *rowing* dapat merealisasikan hasrat untuk meraih pingat tersebut disamping dapat memberi impak kepada pembangunan sukan universiti.



Pelajar FPBSM Raih Pingat SAF 2013

Pusat Sukan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Karnival Sukan antara Fakulti (SAF) kali kelima tahun 2013 pada 13-21 September 2013 di Gelanggang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pelajar-pelajar Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan (FPBSM) telah menyertai semua acara yang dipertandingkan kecuali sukan hoki lelaki. Antara acara yang dipertandingkan adalah bola baling, merejam lembing, *wood ball*, hoki, bola keranjang, lontar peluru, olahraga, futsal dan lain-lain lagi.

FPBSM berjaya meraih satu pingat emas untuk acara olahraga 200m dan acara merejam lembing, dua pingat emas untuk acara *Wood Ball* dan bola baling, tiga pingat perak bagi acara lontar peluru, empat pingat perak untuk acara hoki dan lima pingat perak untuk acara olahraga 1500m serta bola keranjang. Selain itu, FPBSM juga berjaya meraih enam pingat gangsa bagi acara lempar cakera.

Pihak fakulti berharap pelajar-pelajar FPBSM dapat mengekalkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan mahupun akademik.

Minggu Mesra Siswa UniSZA

Program Minggu Mesra Siswa adalah satu program wajib bagi setiap pelajar baharu yang mendaftar di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program ini diadakan untuk memberi gambaran awal kepada mahasiswa mengenai pengurusan dan pengenalan tentang etika dan cara hidup seorang mahasiswa universiti supaya memudahkan bagi mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti.

Program anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) ini telah diadakan pada 2 - 7 September 2013 bertempat di UniSZA Kampus Gong Badak yang melibatkan lebih kurang 2500 orang pelajar baharu mendaftar.

Memandangkan program ini melibatkan pelajar yang ramai, satu jawatankuasa khas yang dilantik dalam kalangan pelajar yang dikenali sebagai Pembantu Mahasiswa. Ianya bertanggungjawab memastikan setiap pelajar baru menepati masa dan mengikuti kesemua program yang dirancang oleh pihak universiti. Setiap jawatankuasa yang dilantik oleh Pembantu Mahasiswa ini diketuai oleh seorang pegawai.

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar baharu berkenaan gaya hidup kampus. Di samping membentuk jati diri pelajar ke arah yang positif dan berdaya saing. Pengaturan aktiviti-aktiviti yang dirancang diharap dapat membentuk sikap yang positif dan nilai-nilai murni diterapkan dalam diri pelajar-pelajar ini.

Minggu Mesra Siswa Sesi 2013/14 telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim. Dalam ucapan perasmianya, besar harapan beliau agar pelajar-pelajar baharu di depan beliau pada tiga atau empat tahun dari sekarang akan naik ke pentas untuk menerima segulung ijazah yang akan membawa makna dan memberi keceriaan kepada diri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Antara aktiviti yang dirancang dalam program ini antaranya adalah aktiviti-aktiviti yang bersifat kerohanian, sukan, kepimpinan, kebudayaan, *I Love My Campus* dan sesi pengenalan pembelajaran di universiti. Minggu Mesra Siswa diharap dapat membantu pelajar-pelajar baharu dalam memulakan kehidupan sebagai seorang mahasiswa di UniSZA.

Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin FIK

Pihak pengurusan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan majlis solat hajat dan bacaan Yasin di kampus baru UniSZA iaitu Kampus Tembila, Besut sempena perpindahan FIK ke kampus tersebut. Majlis ini berlangsung pada 22 Ogos 2013 di Blok D, Kompleks FIK, Kampus Tembila.

Antara tetamu yang hadir pada majlis tersebut adalah Pengarah Kampus Cawangan Besut, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar, kakitangan Pejabat Pengarah Kampus Besut, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Terengganu, dan pihak kontraktor yang terlibat dalam pembangunan FIK selama ini.

Dalam ucapannya, Dekan FIK, Prof. Madya Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman, mengharapkan semangat kakitangan warga FIK tidak luntur dan sedia berkhidmat dengan cemerlang, ikhlas dan



bersedia menerima perubahan terutamanya dari segi persekitaran dengan terbinanya kompleks baru FIK dan sekaligus dapat meningkatkan mutu kerja yang lebih baik selepas ini.

FIK mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Berhanudin Abdullah dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA selaku imam solat hajat dan majlis bacaan Yasin secara beramai-ramai. Jamuan makan turut disediakan oleh pihak penganjur bagi meraikan tetamu yang hadir.



Program Bazaar Ramadhan Al-Mubarak

Menyahut seruan pihak kerajaan untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah dalam bidang keusahawanan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UniSZA telah menjalankan *Program Bazaar Ramadhan Al-Mubarak 2013* (1434 Hijrah) yang diadakan bermula 9 Julai - 1 Ogos 2013 dan dibuka pada jam 4.30 petang sehingga 7.30 petang bertempat di perkarangan Student Mall UniSZA, Kampus Gong Badak. Secara keseluruhannya seramai 60 peniaga terdiri daripada pelajar UniSZA dan peniaga dari luar yang turut serta dalam program ini.

Program Bazaar Ramadhan Al-Mubarak ini dimeriahkan lagi dengan perasmian oleh Dr. Aminuddin Abd Rahman selaku Pengarah Pusat Kesihatan UniSZA dan Jawatankuasa Kerja *Pemilihan dan Pemantauan Premis sewaan* (J3PS) pada 11 Julai 2013 dengan melawat tapak bazaar ramadhan di gerai makanan dan minuman serta diiringi oleh Majlis Perwakilan Pelajar. Dalam ucapan perasmian, Dr Aminuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan penerapan nilai dan ciri-ciri seorang usahawan supaya timbul kesedaran dan minat untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan.

Hasil daripada program ini pelajar dapat menceburkan diri mereka dalam perniagaan dengan lebih jelas. Pelajar juga dapat mengetahui beberapa perkara yang harus dilakukan oleh seorang peniaga dan pengendali makanan sebelum memulakan perniagaan, terutamanya mendidik pelajar supaya mengamalkan etika keselamatan dan kebersihan selaras dengan Akta Makanan dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Ini selaras dengan harapan kerajaan yang mengharapkan pelajar menjadi usahawan pelapis, dan meneruskan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju.



Sambutan Merdeka Raya dan Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan

Hari Kemerdekaan Malaysia perlu disambut oleh setiap lapisan masyarakat bagi mengambil iktibar sempena peristiwa penting tersebut dan memperingati jasa para pejuang tanah air. Sempena sambutan bulan kemerdekaan negara pada tahun ini, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan dua program iaitu *Majlis Sambutan Merdeka Raya UniSZA* dan *Penutup Bulan Kemerdekaan Peringkat UniSZA 2013*.

Memandangkan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini disambut pada bulan Syawal, maka program tersebut telah diadakan serentak yang dinamakan *Merdeka Raya* pada 28 Ogos 2013, bertempat di perkarangan Pejabat Kolej Kediaman UniSZA Kampus Gong Badak. Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.

Seterusnya, *Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan Peringkat UniSZA 2013* pula telah diadakan pada 19 September 2013 di Lapang Sasar Golf, UniSZA Kampus Gong Badak. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman Mustafa, selaku wakil kepada Menteri mentor UniSZA iaitu Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kedua-dua program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat kemerdekaan dan cintakan negara dalam diri setiap warga UniSZA di samping dapat menghargai serta memelihara nilai-nilai



perpaduan yang dikecapi sehingga kini bersesuaian dengan tema sambutan Hari Kemerdekaan Negara tahun ini iaitu 'Malaysiaku Berdaulat, Tanah Tumpahnya Darahku.'

Dalam ucapan perasmian majlis *Penutup Bulan Kemerdekaan Peringkat UniSZA 2013* yang telah disampaikan oleh wakil Menteri Mentor UniSZA, beliau menyeru agar rakyat Malaysia dan warga UniSZA khususnya memahami dan menghayati erti di sebalik sebuah kemerdekaan di sebuah negara yang pernah dijajah. Oleh yang demikian, keamanan dan kesejahteraan yang terbina ini harus dipelihara dan jangan sesekali dirosakkan keutuhan struktur perpaduan sesama kita daripada pelbagai lapisan masyarakat yang telah sedia terjalin sejak selepas kemerdekaan.


Simbolik kepada sambutan bulan kemerdekaan, ia dimeriahkan dengan perarakan dan penyerahan jalur gemilang oleh pelajar kokurikulum badan beruniform kepada Naib Canselor UniSZA. Kemuncak kepada sambutan ini pula ialah pertunjukkan bunga api selama 15 minit dan nyanyian lagu 'Jalur Gemilang'. Bagi *Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan* pula, majlis diserikan dengan persembahan Tempur Tanpa Senjata oleh pelajar-pelajar kokurikulum UniSZA.

Diharap dengan adanya program sebegini, para pelajar dapat menghayati serta menginsafi erti sebuah kemerdekaan dalam meneruskan kehidupan yang harmoni bagi membentuk tamadun bangsa yang terbilang.




Graduan Konvokesyen Kali Ke-5 UniSZA, 30 November - 1 Disember 2013

Fakulti	Program	Jumlah
Pusat Pengajian Siswazah	Doktor Falsafah	3
	Sarjana Sains	11
	Sarjana Sastera	10
	Jumlah	24
Bahasa dan Komunikasi	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (Kepujian)	32
	Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)	56
	Jumlah	88
Informatik	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan Kepujian	45
	Diploma Teknologi Maklumat	23
	Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia)	21
	Jumlah	89
Pengajian Kontemporari Islam	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	56
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian	22
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian	32
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian	7
	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian	65
	Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)	92
	Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah)	43
	Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab)	33
	Diploma Pengajian Islam (Dakwah)	44
	Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)	46
	Diploma Pengajian Islam (Syariah)	49
	Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)	45
Jumlah	534	
Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	59
	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Kepujian	73
	Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Risiko dan Takaful) dengan Kepujian	49
	Diploma Kewangan	30
	Diploma Pemasaran	31
	Diploma Pengajian Bank	27
	Diploma Pengajian Insurans	23
	Diploma Pengurusan Sumber Manusia	33
	Diploma Perakaunan	31
Diploma Perdagangan Antarabangsa	27	
Jumlah	383	
Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan	Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian dengan Kepujian	37
	Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan dengan Kepujian	24
	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian	39
	Jumlah	100
Rekabentuk dan Teknologi Kejuruteraan	Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian	27
	Diploma Reka Bentuk Perindustrian	24
	Diploma Teknologi Pembuatan	19
	Jumlah	70
Perubatan dan Sains Kesihatan	Ijazah Sarjana Muda Dietetik dengan Kepujian	28
	Diploma Radiografi	22
	Diploma Sains Kejururawatan	36
	Diploma Teknologi Makmal Perubatan	14
	Jumlah	100
Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian	24
	Diploma Undang-Undang	32
	Jumlah	56
JUMLAH KESELURUHAN		1444



Jumlah Graduan Konvokesyen Ke-5 Mengikut Fakulti



Jumlah Graduan Konvokesyen Ke-5 Mengikut Tahap Pengajian



Kesedaran Sejarah, Transformasi Sosio-Ekonomi dan Kelakuan Politik Masyarakat Melayu Malaysia

Penulis: Kamaruddin Mohd Said
ISBN: 978-983-9842-67-8
Harga: RM27.00

Tulisan ini memperkatakan tentang hubungan kait antara kesedaran sejarah dengan kesedaran sosial dalam kalangan masyarakat Melayu. Kepelbagaian kesedaran sosial pula dikaitkan dengan transformasi sosial yang mereka alami. Oleh itu, menjadi hujah utama tulisan ini, bahawa kesedaran sejarah dalam kalangan masyarakat Melayu adalah berbeza-beza mengikut pengalaman transformasi sosial yang dialami oleh pelbagai golongan dalam kalangan mereka. Kesedaran sejarah yang berbeza-beza ini boleh dikatakan mempengaruhi kelakuan politik masyarakat Melayu akhir-akhir ini.



Al-Mursyid fi Ta'allum al-Lughah al-Arabiyyah

Penulis: Norhayati Che Hat, Siti Salwa Mohd Noor, Mohd Ala-Uddin Othman,
Mohd Fauzi Abdul Hamid
ISBN: 978-983-9842-64-7
Harga: RM27.00



Muzakkirat Tarikh al-Khilafah al-Umawiyah

Penulis: Daud Ismail
ISBN: 978-967-5782-47-3
Harga: RM25.00



Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jil. 6

ISSN: 1985-7667
Harga: RM25.00

- | | |
|---|-----|
| Punca Penyelewengan Ajaran Mustapha Salleh di Marang, Terengganu
<i>Mohd. Safri Ali, Mohd Fauzi Hamat, Basri Ibrahim & Mohd Shahril Othman</i> | 3 |
| Pengguguran dan Justifikasi Perundangan Mengikut Undang-undang Islam dan Peruntukan Seksyen 312 Kanun Keseksaan
<i>Siti Khatijah Ismail & Mohd Badrol Awang</i> | 13 |
| Al-Musyarak al-Lafziy Menurut Perspektif Ilmuwan Linguistik Arab
<i>Noor Anida Awang & Tasnim Mohd Annuar</i> | 25 |
| Konsep kerja Sebagai Ibadat Menurut Perspektif Islam
<i>Atikullah Hj Abdullah</i> | 37 |
| Merungkai Beberapa Faktor Jangkitan HIV/AIDS dalam Kalangan Penagih Dadah Mengikut Perspektif Sosiobudaya
<i>Shahrul Asyikin Shamsudin & Aishah @ Eshah Hj. Mohamed</i> | 51 |
| Perceraian dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Kuala Besut, Terengganu (1953-1963)
<i>Ruhaizan Sulaiman @ Abd Rahim, Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Norizan Abdul Ghani</i> | 67 |
| Metodologi Qira:'at Ibn Kathir dalam Juz 'Amma
<i>Mohd Ala-Uddin Othman, Zawawi Ismail, Wan Ismail Wan Abdullah & Mohammad Seman</i> | 81 |
| Penentangan Rakyat Terengganu Terhadap Inggeris dan Kerajaan Pada Tahun 1928M Mengikut Perspektif Islam
<i>Abu Bakar Abdullah & Basri Ibrahim</i> | 97 |
| Perkembangan dan Konflik Bid'ah Menurut Islam
<i>Fadzli Adam & Firdaus Khairi Abdul Kadir</i> | 109 |